



**PENYATA RASMI**  
**OFFICIAL REPORT**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 4095]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4129]**

**Anggaran Pembangunan, 1973 (12hb Disember, 1972) [Ruangan 4130]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (12hb Disember, 1972) [Ruangan 4130]**



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

*Penyata Rasmi*

### PENGGAL YANG KEDUA

---

Hari Rabu, 13hb Disember, 1972

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

#### YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

" NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

" DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

" TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

" PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

" TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

" TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

" TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).

" TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

" TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

" PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

" TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

" DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

" TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

" DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

" CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

" TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

" TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

" AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

" TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

" TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

" TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

" TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

" DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

" TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

" TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

" TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

" TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

- " DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- " TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- " TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- " TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- " TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- " TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- " TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- " TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- " DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibü).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- " TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- " TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- " TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- " TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- " DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- " DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- " TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- " TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Darvel).
- " TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- " TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- " TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- " TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- " DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- " TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- " RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- " PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- " TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- " TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

Yang Berhormat DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

- " TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- " TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- " DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- " TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- " TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- " TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- " DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- " DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- " TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- " TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- " TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- " TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- " TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- " DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- " TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- " TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- " TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- " TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

#### YANG TIADA HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- " Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- " Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- " Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- " Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.N., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).

- Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- " Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- " Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, S.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- " Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- " DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- " TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- " PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- " TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- " TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- " TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- " TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- " TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- " TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- " TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasar Mas Hilir).
- " TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- " DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- " DATUK SRI S.P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

**YANG HADIR BERSAMA:**

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

## DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### PEGAWAI KERAJAAN DALAM PARTI POLITIK—KEBENARAN

**1. Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan berapa bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diberi kebenaran untuk menyandang jawatan dalam parti siasah dengan memberikan angka pecahan bagi parti-parti yang terlibat.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, setakat ini seramai 155 orang pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas, Kumpulan Perkeranian dan Teknik dan Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar telah diberi kebenaran oleh pihak Kerajaan untuk memegang jawatan dalam parti-parti politik. Untuk memelihara kedudukan pegawai-pegawai yang berkenaan, saya fikir tidak payahlah diberi angka pecahan mengikut parti-parti yang terlibat. Walaubagaimanapun, saya suka menerangkan di sini bahawa pihak yang berkuasa telah membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan daripada semua parti termasuk juga parti-parti Pembangkang untuk memegang jawatan politik.

**Tuan V. Veerappen:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu kepada Dewan ini tentang basis bagi kebenaran itu diberi?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, basisnya menurut peraturan-peraturan yang tertentu dalam General Orders.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar ada beberapa anggota-anggota parti politik dari pihak Pembangkang, anggotanya sudah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkuasa. Jika beliau sedar, bolehkah beliau siasat atas perkara ini mengambil tindakan yang sewajarnya?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya boleh siasat atas perkara ini dan saya mendapat rayuan bukan sahaja dari parti Pembangkang bahkan dari Parti Kerajaan sendiri berkenaan dengan perkara ini, tetapi kalau ada mana-mana pegawai yang barangkali difikirkan mustahak mendapat kebenaran maka kebenaran tidak diberi, bolehlah membuat rayuan dan saya boleh tengok atas perkara ini.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan manakah satu parti-parti Pembangkang yang ada pegawai-pegawainya diberikan kebenaran untuk berpolitik?

**Tuan Yang di Pertua:** Itu sudah dijawab tadi.

**Datuk James Wong Kim Min:** (*Dengan izin*) May I ask the Honourable the Prime Minister how does the Government equate this policy of allowing civil servants to actively participate in politics with the impartiality with which civil servants have to carry out the policies of the Government in power, if they are Opposition members in the Government service?

**Tuan Yang di Pertua:** Itu di luar daripada question ini.

**Tuan V. Veerappen:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Perdana Menteri menimbangkan semula keputusan atas perkara ini, khususnya untuk pekerja-pekerja di quasi Government bodies supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam politik?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, seperti saya katakan tadi, kalau ada specific cases, saya boleh timbangkan atas perkara ini.

### WAKIL JEPUN DI KUALA LUMPUR— RUNDINGAN

**2. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil rundingan yang diadakan dengan wakil Perdana Menteri Jepun di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, taklimat yang diberikan oleh Tuan Kiichi Aichi, Utusan Khas Perdana Menteri Jepun

semasa ia menemui saya pada 14hb Oktober telah dibuatnya sebagai maklumat sulit dan tidaklah sesuai dari segi diplomatik bagi saya menghebahkan butir-butir taklimat tersebut kepada umum.

Walau bagaimanapun, bolehlah saya katakan secara umum bahawa Tuan Aichi telah menerangkan kepada saya bahawa pemulihan semula hubungan Cina-Jepun adalah untuk menamatkan keadaan hubungan yang kurang memuaskan yang wujud di antara Jepun dengan Republik Rakyat Cina dan untuk mengurangkan ketegangan di Asia dan menjamin keamanan dunia.

Selanjutnya beliau telah menjelaskan bahawa hubungan baik di antara Cina dan Jepun bukanlah untuk menentang sebarang negara ketiga, dan kedua-dua pihak iaitu Jepun dan Republik Rakyat Cina telah bersetuju tidak akan mencari pengaruh di kawasan Asia-Pasifik dan akan menghalang sebarang usaha negara-negara lain yang cuba mencari pengaruh seumpama itu. Jepun akan meneruskan persahabatan dengan negara-negara tetangganya di Asia dan bekerjasama dengan mereka dalam usaha mereka untuk membangunkan keadaan ekonomi dan sosial rakyat-rakyat mereka.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil kesempatan apabila beliau berjumpa dengan Tuan Aichi, apabila negeri Jepun mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina, Jepun boleh menjadi sounding post untuk negeri ini supaya kita juga boleh mengadakan perhubungan diplomatik dengan Peking.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, bila sampai masa kita hendak mengadakan diplomatic relations dengan pihak Republik Rakyat Cina, kita boleh berhubung terus dengan tidak payah ada sounding post lagi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Di dalam perjumpaan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Tuan Aichi, adakah beliau memberitahu kepada Tuan Aichi tentang gambaran Jepun di Asia Tenggara yang pada masa sekarang tidak begitu baik seumpama-

nya ada rusuhan di Thailand dan ada penduduk-penduduk di Asia Tenggara bimbang tentang pengaruh Jepun di Asia Tenggara.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya tidak sebutkan semua atas perkara ini. Tuan Aichi hanyalah menyampaikan, perutusan berkenaan dengan perhubungan Jepun dengan Cina kepada saya, dan saya tidaklah menyentuh atas perkara-perkara yang lain dan saya fikir antara kita dengan Jepun tidak ada apa-apa masalah pada masa ini.

### BAYARAN PENCEN—KELAMBATAN

**3. Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa orang-orang yang bersara terpaksa menunggu hampir setahun atau lebih lama lagi untuk mendapatkan bayaran persaraan mereka. Adakah beliau sedar bahawa hal ini telah menimbulkan kesulitan yang amat sangat kepada orang-orang yang bersara terutama sekali mereka dari golongan yang berpendapatan kecil.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, adalah diketahui bahawa pada masa-masa kebelakangan ini, ada terdapat sedikit kelambatan dalam pembayaran pencen kepada pekerja-pekerja Kerajaan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum Kerajaan telah menerima syor-syor Suruhanjaya Gaji Suffian. Satu daripada syor yang terpenting yang telah diterima adalah mengenai pembayaran taraf berpencen kepada semua jawatan-jawatan tetap di dalam Bahagian Tiga (Kumpulan Perkeranian dan Teknik) dan Bahagian Empat (Kumpulan Pekerja-pekerja Perusahaan dan Buruh Kasar).

Tarikh pelaksanaan syor-syor ini adalah berlainan di antara satu kumpulan dengan satu kumpulan yang lain. Bagi pihak yang dahulunya di dalam Bahagian Empat dan Kumpulan Pekerja-pekerja Perusahaan dan Buruh Kasar, tarikh perlaksanaannya adalah pada 1hb Mei, 1969 dan bagi mereka yang telah bersara atau telah meninggal dunia, dikebelakangan pada 1hb Ogos, 1968. Selain daripada itu, urusan bagi mengkaji dan seterusnya mengisytiharkan jawatan-jawatan itu sebagai jawatan-jawatan tetap dan berpencen memakan

masa sedikit. Mengikut peraturan-peraturan pembayaran pencen, urusan yang demikian perlulah diselesaikan dahulu sebelum pemegang-pemegang jawatan itu berkelayakan menerima pencen. Oleh kerana bilangan jawatan-jawatan dan pekerja-pekerja yang terlibat di dalam urusan ini terlalu banyak, maka usaha ini telah mengambil masa. Urusan yang sama perlu juga dilakukan bagi jawatan-jawatan dalam Bahagian I hingga III.

Kelambatan yang berlaku sebagaimana yang telah diterangkan sebentar tadi tiadalah dapat dielakkan dan merupakan sementara sahaja. Walau bagaimanapun Kerajaan telah meminta Lembaga Simpanan Wang Pekerja-pekerja membayar wang pendahuluan kepada pegawai-pegawai dalam Bahagian IV dan Kumpulan Pekerja-pekerja Perusahaan dan Buruh Kasar. Pegawai-pegawai dalam Bahagian I hingga III adalah diberi wang pendahuluan daripada pencen dan ganjaran yang akan dibayar kepada mereka. Langkah-langkah ini adalah diambil memandangkan kepada kelewatan membayar pencen dan ganjaran mereka dengan kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar ada beberapa orang pegawai-pegawai Bahagian I hingga III apabila mereka bersara terpaksa menunggu lebih daripada setahun dan belum mendapat ganjaran dan pencennya. Kalau beliau sedar, bolehkah beliau sebutkan apakah tindakan Kerajaan akan ambil supaya mengurangkan kelambatan ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya sudah terangkan atas perkara ini dengan jelasnya. Saya mengaku bahawa ada kelambatan dan untuk mengatasinya perkara itu, kita telah bersetuju hendak membayar pendahuluan pencen dan juga ganjaran kepada mereka itu.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar, beliau mengatakan di dalam Dewan ini ada pegawai-pegawai yang bersara diberi pendahuluan . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Saya hendak tahu "beliau" ini siapa?

**Dr Tan Chee Khoo:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Yang di Pertua:** Katalah Perdana Menteri.

**Dr Tan Chee Khoo:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan pegawai-pegawai boleh diberi pendahuluan, tetapi adakah Perdana Menteri sedar ada beberapa orang pegawai yang bersara tidak diberi wang pendahuluan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, kalau belum diberi, pegawai itu bolehlah datang ke pejabat yang tertentu untuk mendapatkan pendahuluannya.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di Pertua, bolehkah Kerajaan memberi pertimbangan khas (special consideration) untuk pekerja-pekerja yang meninggal dalam masa bekerja (die in harness) waris dan anak-anak mereka tidak mendapat gratuity ataupun wang pendahuluan dan terpaksa menunggu terlalu lama. Bolehkah Kerajaan gives special consideration?

**Perdana Menteri:** Seperti yang saya katakan tadi bahawa kita memberi pertimbangan yang istimewa (special consideration), kita telah bersetuju untuk memberi pendahuluan kepada semua pihak. Mereka itu bolehlah mendapat pendahuluan seperti yang saya sebutkan tadi.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di Pertua, bolehkah Kerajaan juga memberi peluang kepada isteri dan waris-waris orang yang meninggal yang duduk di dalam rumah Kerajaan sehingga waris-waris itu menerima pencen atau gratuity?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, selalu kita bertimbang rasa atas perkara ini, tetapi haruslah barangkali kita tidak boleh membenarkan mereka duduk terlalu lama. Jadi, kalau mereka itu segera dapat mengambil kuasa, pendahuluan dapat diberikan dengan segera.

**Tuan V. David:** Adakah Kerajaan sedar bahawa pekerja-pekerja di Jabatan Talikom dan Percetakan Kerajaan, ramai di antara mereka yang telah bersara hampir 18 bulan tidak mendapat pencen mereka? Pencen

ialah wang kepunyaan pekerja-pekerja, apakah sebabnya Kerajaan mengambil masa hingga 18 bulan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya sudah terangkan di atas perkara ini. Kalau Ahli Yang Berhormat tidak suka hendak fahamkan, tak payah saya jawab lagi.

#### **SELAT MELAKA—UCAPAN ADMIRAL THOMAS MOORER**

4. **Tuan Mustapha bin Hussain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan telah meminta penjelasan daripada Kerajaan Amerika Syarikat tentang ucapan Admiral Thomas Moorer, Pengerusi Ketua Turus Angkatan Tentera Amerika Syarikat pada 7hb April, 1972, di mana beliau mencabul hak mutlak perairan kita di Selat Melaka dengan permintaan beliau yang keras bagi hak lalu-lintas yang bebas tanpa gangguan dari sebarang pihak, untuk menentukan samada ucapan itu mencerminkan dasar Kerajaan Amerika Syarikat.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, pendirian dilapurkan oleh Duta Besar kita di Washington ialah Amerika Syarikat lebih suka soal Selat ini diselesaikan di Persidangan Undang-undang Laut yang akan datang.

Dari itu Malaysia tidak meminta penjelasan daripada Kerajaan Amerika Syarikat tentang ucapan Admiral Thomas Moorer, Pengerusi Ketua Turus Angkatan Tentera Bersama Amerika Syarikat.

#### **ORANG-ORANG ASIA DI UGANDA**

5. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan British pernah meminta Malaysia mengambil sebilangan orang-orang Asia yang dihalau dari Uganda, dan jika ya, apakah pendirian Malaysia dalam perkara ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, Malaysia tidak pernah diminta dengan cara rasmi oleh Kerajaan British untuk mengambil orang-orang Asia yang dihalau dari Uganda.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Oleh kerana rakyat British yang dihalau dari Uganda itu kebanyakannya dari keturunan

Asia, adakah di antara mereka yang terlibat itu terdiri daripada keturunan Malaysian?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya kata masalah ini tidak timbul. Kita pun tidak diminta dengan rasminya bagi menolong pada masa ini dan tidak ada permintaan daripada mereka itu untuk hendak datang ke Malaysia.

#### **TENTERA AUSTRALIA DI SINGAPURA—KENYATAAN**

6. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Australia yang mengatakan bahawa peranan tentera Australia di Singapura adalah untuk mengelakkan perselisihan antara Malaysia dan Singapura;

(b) mengapakah Malaysia berdiam diri dalam perkara ini dan adakah penjelasan dalam perkara ini telah diberi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, pada fikiran saya bukanlah untuk saya sebenarnya menerangkan kenyataan ini. Soalan ini patutlah ditujukan kepada Perdana Menteri Australia yang membuat kenyataan itu.

Walau bagaimanapun, saya suka terangkan bahawa penempatan tentera-tentera Australia di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara bukanlah bertujuan hendak menegah atau mencegah perselisihan di antara Malaysia dengan Singapura. Sekiranya timbul apa-apa perselisihan di antara Malaysia dengan Singapura, penyelesaiannya adalah untuk Malaysia dan Singapura sahaja menentukan dan tidak payah campurtangan daripada mana pihak.

Kita tidak berdiam diri atas perkara ini dan telah pun meminta penjelasan daripada Kerajaan Australia apabila keterangan ini keluar dalam akhbar. Penjelasan bertulis yang kita terima daripada Kerajaan Australia (pada masa itu) mengenai kenyataan itu menegaskan bahawa tidak ada apa-apa perubahan kepada dasar Kerajaan

Australia terhadap Peraturan Pertahanan Lima Negara, atau tentang tujuan penempatan tentera-tentera Australia di kawasan ini yang telah dipertentukan mengikut Peraturan Pertahanan Lima Negara itu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana penjelasan yang diberikan oleh Kerajaan Australia itu dibuat dengan tidak begitu terang, bahkan dengan maksud tidak berganjak daripada dasarnya di atas penempatan tentera di Singapura itu, dan kemudian daripada itu ada pula kenyataan daripada Perdana Menteri Australia di negerinya sendiri berhubung dengan perkara itu sebagai sambungan kenyataannya yang dibuat sebelum daripada itu, apakah motif yang sebenarnya mengikut pandangan kita tentang kenyataan-kenyataan ini? Apakah tentera Australia mengikut pandangan kita mahu menjadi polis di rantau ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya sudah terangkan tadi, kita tidak berkehendakkan sesiapa menjadi polis di Tenggara Asia ini dan kita mestilah berpegang kepada keterangan rasmi atau surat rasmi yang dihantar kepada kita oleh Kerajaan Australia. Surat rasmi itu adalah terang, iaitu maksud dan tujuan Perjanjian Pertahanan itu tidak ada berubah.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa Kerajaan Malaysia tidak bersetuju dengan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Australia berhubung dengan masalah ini?

**Perdana Menteri:** Ini nyata, Tuan Yang di Pertua, kita memang tidak bersetuju, dengan sebab itu kita meminta penjelasan, dan kita fikir percakapan seperti itu adalah tidak bijak dan tidak patut dibuat.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Apakah pengetahuan yang didapati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersabit dengan hal ini daripada Kerajaan jiran kita, iaitu Singapura yang memang ada kaitannya dengan kenyataan Perdana Menteri Australia itu, adakah ia juga menolak kenyataan itu atau menerimanya?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya fikir perkara ini tidak mustahak dan saya tidak ada membuat apa-apa utusan kepada Kerajaan Singapura.

#### LAWATAN ROMBONGAN PERDANA MENTERI—PERBELANJAAN

7. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan semasa lawatan beliau ke Australia, Poland, Russia dan Switzerland; dan nama pegawai-pegawai yang menyertai beliau.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, semua kira-kira bersangkutan dengan lawatan itu belum lagi diselesaikan. Wang yang telah dibelanjakan setakat ini berjumlah \$89,607.15. Walau bagaimanapun perbelanjaan tidak akan melebihi wang anggaran perbelanjaan iaitu \$149,000. Nama-nama pegawai yang menyertai saya bersama-sama mengunjungi negara-negara tersebut telah diisytiharkan dalam akhbar, iaitu Ketua Pengarah, Bahagian Peranchang Ekonomi, Ketua Setiausaha Sulit Khas saya, Setiausaha Politik sebagai pegawai akhbar, Setiausaha Sulit dan Pegawai Peribadi saya. Begitu jugalah seorang Penyunting Berita, dan dua orang jurugambar dari Kementerian Penerangan; Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri, menyertai saya dalam lawatan ke Moscow.

#### SURAT-SURAT BERISI BOM—PENYIASATAN

8. **Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan hasil penyiasatan yang diperlihatkan daripada penyiasatan tentang surat-surat berisi bom yang telah didakwa oleh beberapa buah Negara asing sebagai telah dihantar dari Malaysia.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di Pertua, pihak Polis telahpun menjalankan penyiasatan dan mereka juga telah berhubung dengan Polis Antarabangsa (Interpol) meminta bantuan dalam perkara ini untuk menentukan samada bom-bom tersebut sebenarnya berasal dari negeri ini. Setakat ini penyiasatan sedang diteruskan dan oleh yang demikian butir-butir lanjut tidak dapat diumumkan demi kepentingan penyiasatan itu.

**Tuan Loh Jee Mee:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah ejen-ejen Israel di Malaysia terlibat dalam pengirisan surat-surat berisi bom ini?

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, bolehkah, Ahli Yang Berhormat itu ulangkan sekali lagi atas soalan tambahan itu?

**Tuan Loh Jee Mee:** Adakah ejen-ejen Israel di Malaysia terlibat dalam pengirisan surat-surat berisi bom ini?

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Sebagaimana yang saya telah jawabkan tadi bahawa perkara ini dalam penyiasatan, Tuan Yang di Pertua.

#### **PENCARUM-PENCARUM K.W.S.P.— BILANGAN**

**9. Tuan V. David** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan pencarum-pencarum K.W.S.P. dan bilangan yang bertambah selepas penguatkuasaan undang-undang baru yang mewajibkan semua majikan-majikan mencarum kepada kumpulanwang ini tidak kira samada mereka mempunyai kurang daripada lima orang pekerja.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di Pertua, bilangan pencarum-pencarum Kumpulanwang Simpanan Pekerja pada 14-11-72 ialah 2,163,000 orang. Mengenai bahagian kedua soal tersebut, saya menjangka Ahli Yang Berhormat merujuk kepada dua pindaan yang tertentu kepada Undang-undang K.W.S.P. mengenai orang-orang yang patut mencarum. Pindaan yang pertama berkuatkuasa pada 1-12-64, dan menghendaki semua majikan walaupun mereka menggaji kurang dari lima orang pekerja, supaya membuat caruman kepada K.W.S.P. Pindaan yang kedua, berkuatkuasa daripada 1-12-70 menghendaki semua pekerja, samada mereka menerima gaji lebih dari \$500 sebulan untuk mencarum kepada K.W.S.P. Bilangan pencarum kepada Kumpulan Wang pada 30-11-64 ialah 1,483,000. Dengan itu bilangan pencarum telah bertambah sebanyak 680,000 orang daripada semenjak itu. Bilangan ini termasuk tidak sahaja mereka yang terpaksa mencarum oleh sebab

pindaan-pindaan kepada Undang-undang K.W.S.P., tetapi yang lebih mustahaknya, oleh kerana tambahan bilangan orang-orang yang mula bekerja.

#### **KAPAL TERBANG MAS— BILANGAN DIMILIKI**

**10. Tuan Loh Jee Mee** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan dan jenis kapal terbang-kapal terbang perdagangan yang dimiliki oleh MAS, dan samada ianya mencukupi untuk memberi khidmat kepada jadual penerbangan tempatan dan antarabangsa dengan cekapnya, dan samada lebih banyak lagi kapal terbang akan diperolehi sebelum berkembang ke jalan-jalan penerbangan yang baru.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua, pada masa ini Syarikat MAS mempunyai 7 buah kapal terbang jenis B737-200, 9 buah kapal terbang jenis F27-500 dan 3 buah kapal terbang jenis BN2. Kapal terbang-kapal terbang ini adalah cukup bagi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan di dalam dan di luar negeri buat masa sekarang.

MAS ada rancangan hendak menambah bilangan kapal terbang yang ada dan perkara ini sedang dikaji oleh pihak MAS.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Soalan saya ini ada berlainan sedikit, walau bagaimanapun harap dibenarkan saya mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di Pertua, perundingan antara Malaysia dengan Great Britain telahpun gagal dengan tidak ada apa-apa keputusan. Kerajaan British tidak menunjukkan apa-apa simpati, muhibbah atau kerjasama dengan MAS. Adakah Kerajaan Malaysia mengambil apa-apa tindakan samada bantahan atau menentang Kerajaan British atas perkara ini?

**Tuan Yang di Pertua:** Itu berlainan daripada soalan yang ada.

**Tuan T. S. Gabriel:** Itulah sebabnya saya minta kebenaran dahulu daripada Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Yang di Pertua:** Tadi adakah minta izin?

**Tuan T. S. Gabriel:** Ada.

**Tuan Yang di Pertua:** Tetapi soalan yang semacam itu tak boleh.

**Tuan T. S. Gabriel:** Baiklah, Tuan Yang di Pertua.

### **SYARIKAT PERKAPALAN GREAT MALAYSIA LINE**

**11. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) kenapakah Syarikat Perkapalan Great Malaysia Line mendaftarkan kapal-kapalnya di Panama;
- (b) apakah hubungan Great Malaysia Line ini dengan The Firline Ltd; dan
- (c) kenapakah kapal-kapal Malaysia Baharu dan Malaysia Raya menaikkan bendera Firline Ltd. dalam tahun 1971 pada hal kapal-kapal ini ditempatkan di Hongkong.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Syarikat Perkapalan Great Malaysia Line telah menyewa (charter) kedua-dua buah kapal yang bernama Malaysia Baharu (yang sekarang ini dinamakan Malaysia Kita) dan Malaysia Raya daripada sebuah Syarikat Firline Ltd., iaitu sebuah syarikat perkapalan luar negeri. Oleh yang demikian kita tidak dapat mengawal di mana syarikat tersebut mendaftarkan kapal-kapal syarikatnya. Syarikat ini telah memilih untuk mendaftarkan kapal-kapal mereka di Panama.
- (b) Hubungan Great Malaysia Line dengan Firline Ltd. adalah antara tuan punya kapal-kapal itu (iaitu kedua-dua kapal ini kepunyaan syarikat The Firline Ltd.) dan penyewanya iaitu Great Malaysia Line.
- (c) Sebabnya kapal-kapal Malaysia Kita dan Malaysia Raya menaikkan bendera Firline Ltd. dalam tahun 1971 ialah dengan sebabnya kapal-kapal itu kepunyaan syarikat tersebut.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan sedar bahawa Syarikat Great Malaysia Line ini ada hubungan dengan masalah Lembaga

Tabung Haji? Adakah Yang Berhormat Menteri tahu tentang kedudukan yang menyebabkan kedua-dua Syarikat Great Malaysia Line dan Tabung Haji membeli ataupun menyewa kapal yang tersebut?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, ini soalan lain, kerana ini berkenaan dengan soalan Tabung Haji.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, saya minta soalan lain pula, sebab soalan tadi dikatakan soalan lain.

**Tuan Yang di Pertua:** Tak boleh hendak dicuba-cuba lagi. Cuba lagi satu soalan?

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Ya, adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan sedar bahawa penggunaan kapal ini untuk membawa jemaah haji Malaysia ke tanah suci Mekah mendatangkan bantahan daripada orang-orang yang kemahiran ataupun expert dalam bidang perkapalan, kerana kapal ini mengikut mereka yang membuat bantahan ini sudah tidak layak digunakan untuk perjalanan antara Malaysia ke Jeddah.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, ini soalan lain.

### **PELABURAN MODAL PERINDASTRIAN DI SARAWAK**

**12. Tuan Edmund Langgu anak Saga** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan perindustrian untuk mendatangkan perkembangan perindustrian, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari):** Tuan Yang di Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan modal dalam perindustrian untuk memperkembangkan usaha-usaha perindustrian di Malaysia termasuk penaburan perindustrian-perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju di negeri ini. Rancangan Malaysia Kedua telah memberi tekanan khas kepada dasar ini.

Untuk negeri Sarawak pada umumnya, Kerajaan telah mengumumkan seluruh negeri itu sebagai Kawasan Kemajuan dan galakan cukai tambahan ditawarkan kepada projek-projek perindustrian yang ditubuhkan di negeri itu.

Satu kajian kemungkinan perindustrian (Industrial Potentiality Study/Survey) negeri Sarawak telah diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan beberapa syor tertentu telah dibuat untuk menubuhkan projek-projek perindustrian terutamanya perusahaan-perusahaan yang berdasarkan pertanian dan kayu-kayan, yang jika dilaksanakan akan memberi faedah terutamanya kepada kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak. Selain dari itu kajian kemungkinan yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dari masa ke semasa adalah dihantarkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Untuk menggalakkan lagi pelaburan modal dalam perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju Kerajaan pada masa ini sedang menimbangkan beberapa galakan belanjawan. Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan baru-baru ini telah menubuhkan sebuah Pejabat Wilayah di Malaysia Timur dengan tujuan untuk menyegerakan pembangunan perusahaan di negeri-negeri di Malaysia Timur. Pejabat ini akan membantu pihak-pihak yang berkuasa Negeri dan juga pelabur-pelabur dalam menganjur dan melaksanakan projek-projek perindustrian.

#### JAMBATAN MERINTANGI SUNGAI KRIAN—PEMBINAAN

**13. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (i) bilakah jambatan merintangi Sungai Krian yang menghubungkan Parit Buntar dan Bandar Bahru akan dibina dan siap, harganya, butir-butir mengenai jambatan tersebut;
- (ii) mengapakah sebuah jambatan bagi Parit Buntar dan Bandar Bahru tidak didirikan dari dahulu lagi sedangkan Perikatan telah berjanji semasa kempen pilihannya 10 tahun yang lalu, kerana jika ada, 28 nyawa boleh diselamatkan dan trajidi feri baru-baru ini tidak akan berlaku; dan

- (iii) rumusan-rumusan dari penyiasatan jabatan berkenaan dengan sebab-sebab berlakunya trajidi feri di Parit Buntar, dan nyatakan apakah tindakan yang Kerajaan telah ambil mengennainya.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di Pertua,

- (i) Pembinaan jambatan tersebut akan dimulakan pada awal tahun 1973 dan ia akan mengambil masa selama 18 bulan untuk siap dan dianggarkan akan menelan belanja sebanyak \$1.2 juta. Panjangnya jambatan itu adalah kira-kira 300 kaki, mempunyai 2 jalur (lane) serta dengan 4 kaki lebar kaki lima di kiri-kanannya.
- (ii) Adalah didapati bahawa kepentingan untuk membina sebuah jambatan di situ tidaklah begitu memuncak memandangkan kepada keadaan lalulintas pada masa itu. Trajidi yang berlaku itu adalah satu kemalangan yang sangat mendukacitakan yang mana belum pernah berlaku pada waktu sebelumnya di tempat itu. Saya percaya tidak ada seorang pun Ahli Yang Berhormat di sini yang suka kejadian yang serupa itu berlaku tetapi Ahli Yang Berhormat juga mestilah sedar bahawa punca-punca kewangan kita adalah terhad dan berdasarkan kepada hal inilah maka perkara pembinaan jambatan-jambatan di negara ini termasuk jambatan yang menghubungkan Parit Buntar/Bandar Bahru itu juga dibina mengikut keutamaannya.
- (iii) Penyiasatan Jabatan (Departmental Enquiry) yang lengkap mengenai sebab-sebab berlakunya trajidi itu serta tindakan-tindakan Kerajaan terhadapnya di jangka akan siap tidak berapa lama lagi.

**Tuan V. Veerappen:** Tadi Menteri yang berkenaan kata trajidi semacam itu tidak berlaku di sana. Sungguhpun begitu, benar-kah atau tidak feri yang tenggelam pada hari itu pernah tenggelam bila digunakan di Kuala Kurau?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Apakah soalnya, saya tidak faham?

**Tuan V. Veerappen:** Feri yang tenggelam pada hari itu di Parit Buntar adakah biasa tenggelam dahulu juga bila digunakan di Kuala Kurau?

**Tuan Yang di Pertua:** Apabila sudah tenggelam macam mana dia hendak timbul balik? (*Ketawa*).

**Tuan V. Veerappen:** Soalan lain, Tuan Yang di Pertua. Berapa lamakah feri yang digunakan di Parit Buntar itu sekarang?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, itu saya tidak boleh beritahu berapa bulan, berapa tahun telah dipakai. Sudah lama dipakai dan belum pernah kejadian semacam itu terjadi dahulu. Dikatakan bahawa perkhidmatan dahulu di situ adalah memuaskan.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah benar sebelumnya feri itu tenggelam, maka Kerajaan Negeri telah mengeluarkan wang sebanyak \$20,000 untuk membaiki feri itu?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, yang sebenarnya feri itu adalah dalam jagaan Kerajaan Negeri dan pembaikan feri itu adalah dijalankan dari semasa ke semasa. Boleh jadi apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Sebelum terjadinya kejadian yang menyedihkan itu, pernah sewaktu pembukaan jambatan di antara Selama, Ulu Perak dengan Selama, Kedah, maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, meminta Kerajaan Pusat mendirikan jambatan kerana pada satu masa katanya feri itu akan mendatangkan merbahaya kepada rakyat. Adakah Kerajaan mengambil perhatian atas ucapan itu?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang saya sudah jawab dalam jawapan saya kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur, dasar Kerajaan kita adalah memang menggantikan semua feri-feri yang ada dalam negeri ini dengan jambatan. Tetapi sebagaimana yang termaklum bahawa semua

penggantian ini adalah bergantung kepada keadaan kewangan kita. Memang kita ada mengambil perhatian, tetapi kalau kewangan belum ada, tentulah kita akan buat mana yang dapat kita buat sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa jabatan-jabatan yang berkenaan memakan masa yang panjang untuk mendapatkan sebab-sebab trajidi di Parit Buntar itu, kerana sudah beberapa bulan trajidi itu berlaku. Dan lagi bilakah rumusan-rumusan daripada penyiasatan jabatan yang berkenaan itu boleh siap dan bila siap, bolehkah findings itu dikemukakan ke Dewan Rakyat?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, ini adalah betul yang findings ini akan memakan masa sedikit untuk mengeluarkan rumusan-rumusan tersebut oleh kerana ada banyak perkara yang kita perlu siasat dan minta penjelasan daripada orang-orang yang telah nampak atas berlakunya kejadian itu pada hari itu. Ini akan memakan masa yang lama sedikit. Di sini bolehlah saya katakan yang rumusan-rumusan ini boleh siap dalam satu dua minggu ini.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Oleh kerana jambatan ini lambat lagi dibina disebabkan beberapa perkara, adakah Kementerian yang bertanggungjawab akan menggunakan atau mengadakan life jackets di dalam feri itu oleh kerana kalau kejadian ini berlaku, maka senang orang di dalamnya boleh selamat.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, kita akan timbangkan, kalau difikirkan boleh berguna.

**Tuan V. Veerappen:** Sungguhpun feri ini di bawah jagaan Kerajaan Negeri, bukankah kakitangannya yang menjaga feri itu di bawah tanggungjawab Menteri yang berkenaan. Kalau begitu, apakah tindakan yang akan diambil ke atas orang-orang yang menjaga feri itu?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, tindakan apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu? Penyiasatan sedang dijalankan, kita pun

sangat bersedih dengan kejadian ini sehingga orang yang menjaga feri itu mati sama dalam feri itu. Jadi apakah Yang Berhormat maksudkan?

**Tuan V. Veerappen:** Sungguhpun seorang kakitangan yang ada bekerja di sana, tetapi pegawai-pegawai yang menjaga feri itu, yang membuat repair feri itu, jurutera-juruteraanya, apa yang dia jaga?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat itu sendiri tahu bahawa beberapa hari sahaja sebelum kejadian itu berlaku, kita telahpun membuat pemeriksaan dan telah membaiki feri itu mana yang perlu sehingga engineer sendiri berpuas hati. Jadi pendek kata J.K.R. telah menjalankan kewajibannya dengan cukup memuaskan. Tetapi kalau sekiranya findings ini sudah dibuat penyiasatan, ada pegawai yang terlibat, yang telah cuai dengan kerjanya, itu lain perkara. Tetapi saya kata ini sedang dalam penyiasatan sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu tentang saguhati daripada Kerajaan Pusat yang sudah diberikan kepada keluarga-keluarga mangsa trajidi itu?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu mengetahui, rakan saya Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am telahpun mengeluarkan bantuan kepada mangsa-mangsa itu dan begitu juga dermawan-dermawan dalam negeri ini yang telah memberi bantuan kepada mangsa-mangsa ataupun keluarga-keluarga mangsa-mangsa yang terlibat itu.

**Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu:** Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa feri di bandar Kuching, Sarawak, pada masa sekarang. . .

**Tuan Yang di Pertua:** Itu tak ada kena-mengena dengan soalan ini. Ini feri di Krian.

**Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu:** Terima kasih.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa oleh kerana tidak ada kerjasama antara Kerajaan Negeri Kedah dengan Kera-

jaan Negeri Perak bahawa satu jambatan belum dapat dibina di antara Parit Buntar dengan Bandar Bharu. Sekiranya ada Kerjasama, jambatan ini telah lama ujud di antara Bandar Bharu dengan Parit Buntar, disebabkan Menteri Besar Perak telah mengatakan bahawa perkara ini telahpun beliau terangkan dengan Menteri Besar Kedah setahun dahulu. Oleh kerana tidak ada tindakan atau tidak ada rasa tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah, maka jambatan itu tidak terbina.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Itu soalan lain.

### IJAZAH PENGIKTIRAFAN UNIVERSITI

**14. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah Kementerian beliau akan menerbitkan senarai nama berbagai-bagai Universiti yang mana ijazahnya diiktiraf oleh Malaysia untuk mengelak penuntut-penuntut yang ingin pergi melanjutkan pelajarannya di Seberang Laut dari memasuki Universiti yang tidak diiktirafkan dan oleh sebab yang demikian akan membawa pulang ijazah yang tidak diiktiraf.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di Pertua, senarai yang mengandungi ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan yang dikeluarkan oleh Universiti-universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri yang telah diiktiraf oleh Kerajaan akan dicetak untuk makluman dan kegunaan orang ramai. Adalah diharapkan penerbitan ini akan dapat membantu orang ramai, terutama pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajarannya keluar negeri supaya dapat memilih mana-mana bidang pelajaran yang kelayakannya telah diiktirafkan oleh Kerajaan. Sambil itu adalah diharapkan juga bahawa penerbitan ini akan menghilangkan segala kekeliruan dan kebimbangan yang timbul dari masaalah pengiktirafan ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan yang diterima oleh pelajar-pelajar kita di luar negeri.

### UBAT D.D.T.—KEENGGANAN MEMBENARKAN

**15. Dr A. Soorian** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa

ada orang-orang yang enggan rumah-rumah mereka disembur dengan ubat D.D.T. (di dalam kempen Anti-Malaria) kerana keadaan ini kurang menyenangkan; jika ya, samada Kerajaan akan menimbang mewajibkan penyemburan ke rumah-rumah bagi mengatasi mereka-mereka yang enggan itu.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di Pertua, saya memang sedar tentang adanya segulungan penduduk enggan membenarkan rumah mereka disembur dengan ubat D.D.T. Ada beberapa sebab keengganan ini berlaku dan satu daripadanya tepung D.D.T. itu mencemarkan dinding. Kementerian saya dengan telitinya telah mengkaji masalah ini dan seterusnya syor menukarkan campuran semburan dari tepung kepada "emulsion" yang tidak akan mencemarkan dinding telah diterima. Oleh yang demikian "emulsion" akan digunakan pada masa hadapan bermula pada tahun 1973 dan penukaran ini diharapkan akan mendapat sambutan yang baik. Selanjutnya Kerajaan tidak bercadang memaksa orang ramai menerima semburan D.D.T. itu. Hanya cuma jika keadaan memerlukan undang-undang Malaysia Akta 52 Akta Pembasmian Malaria Tahun 1971 akan dikuatkuasakan dengan tegasnya. Sebelum itu usaha-usaha Pelajaran Kesihatan Awam sedang digiatkan dan diperhebatkan dengan cara perhubungan hari-hari di antara Pegawai Rancangan Pembasmian Malaria dengan orang ramai dan juga menerusi sebaran am untuk mendapatkan kerjasama yang erat dalam pelaksanaan Rancangan Pembasmian Malaria ini.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di Pertua, betul atau tidak jika selalu nyamuk-nyamuk itu disembur ubat D.D.T. mereka atau menjadi kebal?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, soalan ini, barangkali Ahli Yang Berhormat sendiri boleh beri jawapan. (Ketawa).

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar bahawa ubat D.D.T. yang disembur di rumah-rumah di kampung-kampung hanya boleh mengurangkan nyamuk untuk selama sebulan sahaja, selepas itu nyamuk makin bertambah-

tambah dua tiga kali ganda lagi, adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan apakah tindakan akan diambil?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, soalan ini ialah satu soalan untuk orang ramai bagi bekerjasama kepada Pegawai-pegawai Pembasmian Malaria. Ubat ini sebenarnya boleh tahan lebih daripada sebulan, akan tetapi orang ramai mestilah memberi kerjasama dengan meminta nasihat-nasihat daripada pegawai-pegawai di bawah Kementerian saya supaya malaria atau nyamuk ini boleh dikurangkan. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Dungun selalu bekerjasama dengan pegawai-pegawai saya serta rakyat jelata. Janganlah bercakap banyak di sini, tetapi apabila balik ke kawasannya tidak bercakap lagi. (Ketawa).

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar bahawa kerjasama telah diberi oleh Wakil-wakil Rakyat dan sebahagian besar rakyat dalam negeri ini, sebab rakyat memang takut kepada penyakit. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar bahawa nasihat-nasihat yang lebih berkesan tidak diberi kepada orang ramai ketika perjalanan semburan ubat ini dilakukan, hanya semburan ubat sahaja yang dibuat.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya selalu mendengar radio dan juga apabila membuat lawatan ke kampung dan sebagainya, bolehlah juga melihat apakah pekerja-pekerja dari Kementerian saya telah menjalankan tugas-tugas dengan sepenuhnya. Rakyat kita juga sudah cukup faham atas hal ini. Oleh kerana itu, saya percaya sesuatu rancangan itu boleh dapat dilaksanakan dengan masa yang tetap.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan berapa jenis insecticide telah dipakai dalam penyemburan itu?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya tidak berapa faham maksud soalan itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya hendak tahu berapa jenis insecticide yang digunakan dan apakah nama insecticide yang dipakai itu?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya katakan bahawa D.D.T. ialah satu jenis insecticide untuk menghapuskan nyamuk.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Apa itu D.D.T.? (*Ketawa*).

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan sebagai seorang yang pernah menjadi guru di Sekolah Pertanian, tentu dia tahu apa itu D.D.T.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tadi Menteri mengatakan D.D.T. dengan insecticide tak serupa. Itulah sebabnya saya hendak tahu, apa itu D.D.T. Setahu saya D.D.T. adalah sejenis insecticide, dan saya hendak tahu, berapa jenis insecticide yang hendak dipakai dalam spray itu?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya percaya berhubung dengan soal ini bukanlah kita datang ke sini hendak memberi pelajaran kepada Ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya hendak tahu berapa jenis insecticide?

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli Yang Berhormat ini seorang yang hendak tahu atau pun hendak memberitahu. Kalau semua orang sudah tahu tak payah dijawab lagi.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Ramai orang tak tahu dan dengan sebab itu saya hendak tahu.

**Tuan Yang di Pertua:** Berkenaan orang yang tak tahu, terpulang kepada Menteri samada hendak dijawab atau tidak.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya telah jawab perkara ini, saya katakan D.D.T. itu semua orang telah faham.

**Tuan Hor Cheok Foon:** Tuan Yang di Pertua, adakah Kerajaan Pusat sedar perlunya dibuat satu gerakan atau kempen secara besar-besaran di seluruh negara kita untuk menghapuskan nyamuk, and the spraying of . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Cakap bahasa apa? Satu bahasa sahaja, Bahasa Kebangsaan!

**Tuan Hor Cheok Foon:** Boleh.

**Tuan Yang di Pertua:** Yang sudah tadi ada sedikit pula tambahannya!

**Tuan Hor Cheok Foon:** Adakah Kerajaan sedar perlunya dibuat satu gerakan kempen secara besar-besaran di seluruh negara untuk menghapuskan nyamuk?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, satu rancangan sedang dijalankan dan juga rancangan ini sudah berjalan sejak tahun yang lalu untuk membasmi malaria. Jika Ahli Yang Berhormat itu tak berapa faham, itu terpulanglah kepada beliau, akan tetapi rakyat kita sudah sedar dan saya boleh mengatakan gulungan yang terbesar telah bekerjasama dengan pegawai-pegawai Kementerian saya.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab, D.D.T. untuk menyembur nyamuk yang hidup dan terbang dalam rumah, tetapi sebelum jadi nyamuk dia berasal dari jentek-jentek, adakah ubat untuk menyembur jentek-jentek itu?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, tanggungjawab Kementerian saya untuk menghapuskan nyamuk Malaria sahaja, kerana penyakit itu boleh mendatangkan satu penyakit yang merbahaya. Kalau ada nyamuk yang tidak mendatangkan penyakit, itu bukan tanggungjawab Kementerian saya.

#### SAGUHATI KEPADA WARIS ASKAR TERBUNUH

**16. Tuan Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan saguhati kepada waris-waris Allahyarham L/Korp. 84251 Mohd. Hashim bin Haji Ahmad yang mati di sebuah rumah sakit di Sarawak pada 29hb Oktober, 1971, semasa beliau di dalam perkhidmatan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, di bawah peraturan yang ada sekarang ini ibu bapa kepada askar-askar

yang terbunuh atau tercedera semasa menjalankan gerakan adalah layak untuk dikurniakan saguhati. Jika mereka meninggal dunia semasa menjalankan kerja-kerja bukan gerakan, ibu bapa mereka boleh dipertimbangkan untuk diberi pencen jika ibu bapa itu di dalam keadaan kesusahan dan juga berusia 60 tahun atau lebih. Bagi ibu bapa Allahyarham Cpl. Mohd. Hashim bin Haji Ahmad kedua-dua syarat ini tidak ditemui. Namun begitu bantuan untuk ibu bapa Allah Yarham boleh dipertimbangkan semula kelak apabila mereka memenuhi syarat-syarat yang diperlukan itu.

**Tuan Ahmad bin Ithnin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kementerian ini sedar iaitu berhubung dengan pemberian saguhati dan pencen sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan iaitu ramai daripada perajurit yang telah meninggal dunia, tetapi terlalu lambat sehingga 7-8 bulan baharulah ganjaran atau saguhati itu dapat diberikan. Apakah satu langkah supaya dapat dipercepatkan bayaran ganjaran atau saguhati kepada balu atau waris kepada perajurit yang telah meninggal dunia itu?

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, soalan ini telah pun dibangkitkan beberapa kali pada masa yang lepas dan saya telah beri penjelasan iaitu saya sendiri pada masa yang lepas telah membangkitkan perkara ini di atas pembayaran lambat, pembayaran saguhati, pencen-pencen dan sebagainya. Sebabnya kelewatan itu bukanlah oleh sebab kesalahan Kementerian Pertahanan, tetapi oleh sebab kesalahan orang-orang yang terlibat dalam hal ini untuk memberikan penjelasan dalam hal ini daripada segi perolehan pendapatan bulanan mereka pada masa mereka itu hidup. Oleh sebab sebelum kita membayar pencen-pencen mereka maka Income Tax Certificate daripada Kementerian Kewangan mestilah diberikan kepada Kementerian Pertahanan menyatakan bahawa mereka ini tidak ada bayaran-bayaran income tax yang telah dibayar dan banyak lagi perkara-perkara yang berkaitan seperti itu yang terpaksa dijelaskan. Oleh sebab pada masa-masa yang lampau ini, saya telah buat beberapa perjumpaan dengan Kementerian Kewangan yang mana saya rasa dalam masa satu dua bulan ini adalah didapati sangatlah memuaskan hati untuk mempercepatkan lagi bayaran-bayaran saguhati dan sebagainya.

**Tuan Yang di Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 17 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).*

### PERBELANJAAN INFRASTRUCTURE—PENGKALAN WELD, PULAU PINANG

**17. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang akan dibelanjakan untuk "infrastructure" supaya Kawasan Perdagangan Bebas yang dicadangkan di Pengkalan Weld Pulau Pinang itu dapat bergerak dan tarikh Kawasan Perdagangan Bebas itu boleh bergerak.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang masih lagi mengkaji tentang keperluan-keperluan infrastructure bagi Kawasan Perdagangan Bebas Weld Quay. Adalah diharapkan Kawasan Perdagangan Bebas ini dapat berjalan pada awal tahun 1973. Ahli Yang Berhormat mungkin menyedari bahawa Perbendaharaan telah bersetuju supaya kerja-kerja permulaan, seperti memasang pagar boleh diteruskan, sementara menunggu maklumat mengenai kos yang terakhir.

### PENGANGGURAN—KEJATUHAN HARGA GETAH DAN BALAK

**18. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang yang menganggur di Sabah semenjak jatuhnya harga getah dan kayu balak; dan
- (b) apakah usaha dan langkah dari Kerajaan Pusat bagi menolong mengatasi perkara ini, dan samada terdapat cadangan supaya diadakan pendaftaran penganggur-penganggur di tiap-tiap daerah di Sabah.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):**

- (a) Tidak ada kajian khas mengenai pengangguran yang telah dijalankan bagi menaksir bilangan yang sebenarnya orang-orang yang menganggur akibat dengan jatuhnya harga getah

dan kayu balak di Sabah. Walau bagaimanapun, mengikut angka-angka yang diperolehi dari Perkhidmatan Pekerjaan, Sabah seramai 952 orang pendaftar telah mendaftarkan diri untuk pekerjaan, sehingga akhir bulan Oktober, 1972.

- (b) Mereka yang dibuang kerja dengan sebab-sebab yang ternyata di atas adalah dijemput supaya mendaftar di Perkhidmatan Pekerjaan dan setiap usaha akan dibuat bagi mendapatkan mereka pekerjaan-pekerjaan yang sesuai, bergantung kepada kelulusan dan pengalaman mereka. Cadangan telah juga ada untuk membuka beberapa buah lagi Pejabat Pekerjaan di Sabah bagi mendapatkan lebih banyak lagi kemudahan pendaftaran bagi pencari-pencari kerja di sana.

#### **FOOTBALL MONEY DAN TEA MONEY—RUNGUTAN**

**19. Tuan Richard Ho Ung Hun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar tentang rungutan dari pembeli-pembeli kereta yang sudah dipakai mengenai "football money" dan "tea money" yang dikenakan kepada mereka oleh syarikat-syarikat kewangan dan penjual-penjual kereta, jika ya, apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh beliau supaya kawalan yang ketat dapat dijalankan bagi kepentingan bakal-bakal pembeli.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari):** Berikutan dengan satu kenyataan yang saya buat pada bulan Oktober dahulu, beberapa aduan telah diterima daripada pembeli-pembeli kereta yang sudah dipakai mengenai bayaran "football money" atau "tea money" kepada syarikat-syarikat kewangan yang kecil dan mereka yang memberikan kemudahan sewabeli dalam pembelian kereta yang sudah dipakai.

Saya suka menyatakan bahawa Seksyen 3 (2) dan 29 Akta Sewa-Beli 1967 telahpun mengadakan peruntukan bahawa seseorang penjual tidak boleh mengenakan bayaran lebih dari jumlah bayaran-bayaran seperti berikut:

- (i) harga tunai;
- (ii) bayaran tambang, insuran dan pendaftaran, jika ada; dan

- (iii) faedah sebanyak 10% setahun di atas baki yang belum dibayar.

Apa-apa bayaran lain yang dikenakan oleh sipenjual itu akan melanggar peruntukan Akta tersebut. Saya dengan itu suka menasihatkan orang ramai supaya mereka meminta resip-resip untuk semua bayaran wang yang dibuat di bawah perjanjian sewabeli untuk dijadikan bukti. Selain daripada itu saya telah mengarahkan Jawatankuasa mengenai perkara-perkara sewa-beli mengkaji langkah-langkah yang boleh diambil untuk menguatkuasakan Akta Sewa-Beli dengan lebih berkesan lagi dengan tujuan menghapuskan samasekali amalan-amalan demikian dan juga menjamin kepentingan pengguna-pengguna.

#### **BUKU-BUKU TEKS MURID—PEMBAHAGIAN**

**20. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) cara pembahagian buku-buku teks kepada murid-murid miskin di Kelantan oleh Pejabat Kemajuan Negeri Kelantan; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa cara pembahagian buku-buku teks ini adalah tidak praktik.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):**

- (a) Pada masa sekarang pembahagian buku-buku teks ialah melalui pembekal pembekal tempatan yang berjaya di dalam tender yang dikeluarkan oleh Pegawai Kemajuan Negeri. Mengenai buku-buku terbitan DBP ia sendiri akan menjadi pembekal-nya. Buku-buku akan dihantar terus ke sekolah-sekolah untuk dibahagi-bahagikan kepada murid-murid miskin.
- (b) Buat masa sekarang cara ini adalah praktikal.

#### **"UMBRELLA AGREEMENT"—INDONESIA/MALAYSIA**

**21. Dr A. Soorian** minta Menteri Pelajaran memberikan keterangan yang lengkap mengenai butir-butir "umbrella agreement" berkenaan pinjaman pensyarah-pensyarah Indonesia ke Malaysia.

**Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Jika "umbrella agreement" yang dimaksudkan dalam soalan ini ialah perjanjian yang ditandatangani di antara Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia dengan Menteri Pelajaran Malaysia pada 3hb. September, 1972 maka saya menyatakan bahawa perjanjian itu tidak ada menyebut khusus berkenaan pinjaman pensyarah-pensyarah Indonesia ke Malaysia.

Perkara-perkara yang dipersetujui di bawah perjanjian itu ialah:

- (1) Kerjasama yang dimaksudkan itu termasuklah menggunakan tenaga pakar-pakar untuk penyelenggaraan pendidikan, pelaksanaan usaha-usaha penyelidikan, menulis buku-buku akademik, terutama buku-buku pelajaran, penyelenggaraan seminar, simposium dan persidangan akademik dan kebudayaan, eksplorasi dan ekspidisi akademik dan aktiviti yang lain di bidang pelajaran yang berfaedah kepada kedua-dua negara.
- (2) Perjanjian tertentu boleh dibuat di antara sesebuah universiti atau badan yang bertaraf universiti di Malaysia dengan Direktorat Pendidikan Tinggi, Direktorat Jenderal Pendidikan, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan, Republik Indonesia, yang akan mengatur kerjasama di antara sesebuah universiti atau badan yang bertaraf universiti yang berkenaan di Malaysia dengan universiti atau institut yang berkenaan di Indonesia.
- (3) Perjanjian pelaksanaan boleh dibuat antara sesebuah universiti atau badan yang bertaraf universiti di Malaysia dengan sesebuah universiti atau institut di Indonesia melalui Konsortium-Konsortium Pendidikan Tinggi, Department Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia dalam bidang ilmu yang bersangkutan.

#### ORANG-ORANG YANG DITAHAN— BILANGAN

**22. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun (i) 1971 dan (ii) 1972; dan

- (b) bilangan orang-orang yang telah dibebaskan dalam tahun (i) 1971; dan (ii) 1972 dengan memberikan nama-nama mereka.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Hajj):**

Kedudukannya adalah seperti berikut:

- |                                             |     |     |           |
|---------------------------------------------|-----|-----|-----------|
| (a) (i) Tahun 1971                          | ... | ... | 126 orang |
| (ii) Januari 1972 hingga 5hb November, 1972 | ... | ... | 79 "      |
| (b) (i) Tahun 1971                          | ... | ... | 54 " dan  |
| (ii) Januari 1972 hingga 5hb November, 1972 | ... | ... | 78 "      |

Tidaklah menjadi amalan Kementerian saya memberi nama-nama orang-orang tahanan yang telah dibebaskan demi kepentingan peribadi dan keselamatan mereka.

#### PENYELUDUPAN GETAH KE LUAR NEGERI

**23. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa getah telah diseludupkan keluar negeri dengan banyaknya tanpa bayaran cess dan cukai eksport dan samada langkah-langkah telah diambil untuk menyekat penyeludupan jenis ini.

**Tun Tan Siew Sin:** Kerajaan bukan sahaja sedar tentang perkara penyeludupan getah keluar negeri malah mengambil perhatian berat tentang aktiviti haram tersebut. Segala usaha sedang dibuat bagi membanteras kegiatan penyeludupan barang-barang samada masuk atau keluar negeri. Langkah-langkah yang telah pun diambil baru-baru ini termasuklah usaha bagi mengukuhkan lagi Jabatan Kastam dan Eksais di Raja dengan mengadakan lebih banyak kakitangan, alat-alat senjata, bot-bot dan motokar-motokar laju. Satu unit khas pencegah telah ditubuhkan di Ibu Pejabat Kastam di Kuala Lumpur supaya langkah-langkah mencegah penyeludupan dapat diperhebatkan lagi. Dalam bulan April tahun lalu pihak kami telah mengumumkan tentang kenaikan jumlah hadiah yang besar kepada mana-mana pihak yang memberitahu Kerajaan tentang kegiatan penyeludupan meliputi berbagai barang. Sebagai contoh, hadiah atas maklumat mengenai penyeludupan barang-barang yang berduit ad valorem seperti

kain-kain, alat-alat solek, dan sebagainya ialah 50% daripada unsur duti yang dikenakan; bagi minuman keras seperti brandi, whisky, wine dan sebagainya ialah \$10 bagi tiap-tiap segelen; dan bagi getah pula ialah sebanyak 50% daripada unsur duti yang dikenakan ke atasnya. Ini telah berhasil seperti yang dikehendaki dalam perkara mendapatkan maklumat-maklumat.

Patut juga saya maklumkan di sini bahawa pihak Kerajaan kita sekarang sedang bekerjasama lebih rapat lagi dengan pihak Kerajaan Thai untuk membanteras dan menghapuskan segala aktiviti penyeludupan yang berlaku disempadan Malaysia Barat.

### PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA

24. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Luar Negeri bilakah agak masanya Malaysia bercadang hendak keluar dari Peraturan Pertahanan Lima Negara.

Perdana Menteri: Saya telah pun menerangkan perkara ini beberapa kali dalam Dewan ini dan saya tidak ada apa-apa lagi untuk ditambah.

### PERKHIDMATAN NEGARA

25. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Perdana Menteri apakah tindakan yang sedang diambil untuk memulakan perkhidmatan negara di Malaysia.

Perdana Menteri: Saya telah pun membuat kenyataan di Dewan ini pada 4hb Disember, 1972 mengenai perkara ini.

### PENGUNDI DIKELUARKAN DARI DAFTAR

26. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pengundi-pengundi yang telah dikeluarkan dari buku-buku mengundi semasa kerja-kerja Penyimakan Nama-nama Pengundi tahun 1971 bagi kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen yang berikut:

- (i) Bandar Melaka;
- (ii) Seremban Timur;
- (iii) Seremban Barat;
- (iv) Port Dickson;
- (v) Bungsar;

- (vi) Bukit Bintang;
- (vii) Setapak;
- (viii) Batu Gajah;
- (ix) Kampar;
- (x) Batang Padang;
- (xi) Sitiawan;
- (xii) Pulau Pinang Utara; dan
- (xiii) Telok Anson.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan bilangan pengundi yang dimaksudkan dari senarai "C" yang telah pun dipamirkan pada umum pada bulan Mac dan April, 1972; Suruhanjaya Pilihanraya tidak menyediakan angka bagi kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen yang diminta kerana semua angka ini adalah termasuk dalam satu senarai bagi tiap-tiap negeri.

### PERSATUAN JURUKIRA BERSEKUTU MALAYSIA—MENGIKTIRAF

27. Tuan V. David minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang untuk mengiktiraf Persatuan Jurukira Bersekutu Malaysia dengan memberikuasa kepada ahli-ahlinya untuk:

- (i) mengodit kira-kira syarikat-syarikat persendirian di bawah Seksyen 8 (2) Akta Syarikat 1965;
- (ii) menjadi penyelesaian kira-kira di bawah Seksyen 8 (3) Akta Syarikat 1965; dan
- (iii) memberi kelulusan di bawah Seksyen 2 Ordinan Cukai Pendapatan 1947.

Tun Tan Siew Sin: Kerajaan tidak dapat menimbangkan pengiktirafan Persatuan Jurukira Bersekutu Malaysia sebab sebilangan besar ahli-ahlinya tidak ada mempunyai kelulusan sepertimana yang ditetapkan di bawah undang-undang Akta Akauntan 1967 (Pindaan 1972) Bahagian II, Jadual Pertama. Yang demikian itu, mereka tidak boleh dibenarkan mengodit kira-kira, atau menjadi sebagai penyelesaian syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.

Berkenaan pada bahagian III soalan yang Berhormat itu, oleh sebab Persatuan Jurukira Bersekutu Malaysia tidak diiktirafkan sebagai badan akauntan, maka ahli-ahli Persatuan ini hendaklah membuat permintaan secara persendirian mendapatkan

kelulusan daripada saya. Untuk tujuan ini, saya akan memberi pertimbangan tiap-tiap satu itu mengikut keadaannya, dan juga bergantung kepada pandangan daripada Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri.

#### **PEGAWAI KANAN PERNAS— SEBAB BERHENTI**

**28. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pegawai-pegawai kanan PERNAS yang telah berhenti semenjak Badan ini ditubuhkan dan apakah sebab-sebabnya mereka ini berhenti; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa banyak pegawai-pegawai ini berhenti dalam masa dua bulan yang lampau ini.

**Perdana Menteri:** Hingga masa ini 5 Pegawai-pegawai Kanan PERNAS telah meletakkan jawatan mereka. Seorang daripadanya telah meletakkan jawatan dalam tahun 1971 manakala 4 orang lagi dalam tahun 1972. Tiga daripada 4 orang itu yang telah meletakkan jawatan dalam tahun 1972 berbuat demikian sejak bulan Oktober.

Seorang daripada 5 pegawai yang meletakkan jawatan di atas berbuat demikian untuk memegang jawatan di sebuah Badan Separuh Kerajaan. Manakala yang lain meletakkan jawatan atas permohonan mereka sendiri. Bukanlah menjadi dasar PERNAS untuk menghalang seseorang pegawai meletakkan jawatan bagi memegang jawatan yang bergaji lebih atau untuk menjalankan usaha-usaha perdagangan dan perusahaan persendirian.

#### **TUAN KIICHI AICHI—DASAR HUBUNGAN CINA-JEPUN**

**29. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Luar Negeri memberikan satu lapuran berkenaan dengan kenyataan yang diterimanya dari utusan khas Jepun, Tuan Kiichi Aichi, pada 14hb Oktober berkenaan dengan dasar-dasar Jepun berikutan dengan lawatan Perdana Menteri Tanaka ke Peking dan pemulihan semula perhubungan dengan Cina.

**Perdana Menteri:** Taklimat yang diberikan oleh Tuan Kiichi Aichi, Utusan Khas Perdana Menteri Jepun semasa ia menemui saya pada 14hb Oktober telah dibuatnya sebagai maklumat sulit dan tidaklah sesuai dari segi diplomatik bagi saya menghebahkan butir-butir taklimat tersebut kepada umum.

Walau bagaimanapun, boleh saya katakan secara umum bahawa Tuan Aichi telah menerangkan kepada saya bahawa pemulihan semula hubungan Cina-Jepun adalah untuk menamatkan keadaan hubungan yang kurang memuaskan yang wujud di antara Jepun dan Republik Rakyat Cina dan untuk mengurangkan ketegangan di Asia dan menjamin keamanan dunia.

Selanjutnya beliau telah menjelaskan bahawa hubungan baik di antara Cina dan Jepun bukanlah untuk menentang sebarang negara ketiga, dan kedua-dua pihak iaitu Jepun dan Republik Rakyat Cina telah bersetuju tidak akan mencari pengaruh di kawasan Asia-Pasifik dan akan menghalang sebarang usaha negara-negara yang cuba mencari pengaruh seumpama itu. Jepun akan meneruskan persahabatannya dengan negara-negara tetangganya di Asia dan bekerjasama dengan mereka dalam usaha mereka untuk membangunkan keadaan ekonomi dan sosial rakyat-rakyat mereka.

#### **HUBUNGAN DIPLOMATIK— MALAYSIA/CINA**

**30. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah Kerajaan telah ambil atau akan ambil untuk membolehkan Malaysia sendiri atau pun melalui ASEAN mengadakan perhubungan diplomatik yang penuh dengan Republik Rakyat Cina.

**Perdana Menteri:** Sejak Kerajaan ini ditubuhkan, Malaysia telah menunjukkan sikap yang betul dan baik-baik terhadap Cina dan saya percaya Cina memahami perkara ini. Kita telah pun mengambil langkah-langkah membuat perhubungan tidak rasmi dengan Republik Rakyat Cina dalam bidang perdagangan dan sukan.

Mengenai soal perhubungan diplomatik, saya telah terangkan pendirian kita semasa menjawab soalan lain di Dewan ini dan saya tidaklah hendak menambah apa-apa lagi.

### BILANGAN PENGUNDI— PENDAFTARAN BARU

31. Tuan Hor Cheok Foon minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pengundi-pengundi baru yang didaftarkan di dalam tahun 1971 dan 1972 dan juga angka pecahan mengikut bangsa.

**Perdana Menteri:** Bilangan pengundi-pengundi baru yang didaftarkan dalam tahun 1971/1972 ialah 705,471 dan bukanlah menjadi dasar Suruhanjaya Pilihanraya menge-diaikan angka pecahan mengikut bangsa.

### PERKHIDMATAN NEGARA

32. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa negara kita pada masa ini memerlukan Perkhidmatan Negara dan bilakah Perkhidmatan Negara ini akan dijalankan.

**Perdana Menteri:** Saya telah membuat kenyataan mengenai perkara ini dalam Dewan ini pada 4hb Disember, 1972.

### RAYUAN—KERANI MELAYU TRENGGANU

33. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan mengambil tindakan tentang rayuan Kerani-kerani Melayu Trengganu yang mahu kedudukan mereka disamakan dengan kedudukan kerani-kerani yang lain; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

**Perdana Menteri:** Dengan terlaksananya Lapuran Suffian, Kerani Melayu ini telah dipindahkan atas tangga gaji Kerani sama seperti kerani-kerani lain. Oleh hal yang demikian soal untuk menyamakan kedudukan Kerani Melayu Trengganu itu tidak timbul lagi.

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (12hb Disember, 1972).

DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

(Usul)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,487,522,103 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1973, dan bagi maksud Kepala dan Pecahan-pecahan Kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "P" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1973 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 58 tahun 1972, adalah di-untukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang bertentangan dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 atau 7 senarai tersebut; dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 23hb Ogos, 1972, mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973 adalah dibatalkan. (12hb Disember, 1972).

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Yang di Pertua, menyambung ucapan saya semalam menyentuh dalam bahagian tanah supaya mengkaji Undang-undang Tanah Negara itu bagi menyekat pembeli tanah kepada mereka yang bukan warganegara Malaysia, dan mana-mana tanah yang telah dibeli itu supaya Kerajaan berikhtiar diambil balik oleh warganegara atau badan-badan berkanun Kerajaan.

Satu masaalah, Tuan Yang di Pertua, yang patut difikirkan oleh Kerajaan iaitu tanah-tanah yang dipunyai oleh rakyat yang luasnya kurang daripada 10 ekar telah diambil balik oleh Kerajaan dengan cara bayaran atas maksud melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan seperti jalanraya, parit dan taliair, perkilangan dan bangunan. Walaupun Kerajaan telah membayar peruntukan tanah ini, tetapi bila rakyat telah dapat balik wangnya hendak membeli tanah semula maka tidak dapat. Oleh itu, saya memandangkan, Tuan Yang di Pertua, orang yang semacam itu patut diberi pertimbangan oleh Kerajaan supaya diberikan mereka tanah dengan memasukkan di mana juga rancangan tanah Kerajaan seperti FELDA atau Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah, dengan keadaan ini bahawa hidup mereka dan keturunan mereka pada masa akan datang tidaklah mendapat tanah itu balik.

Satu perkara, Tuan Yang di Pertua, saya fikir masaalah ini tentulah tidak dapat diterima oleh badan-badan yang saya katakan tadi, maka saya harap Kerajaan akan memberikan satu keistimewaan dengan mengendurkan syarat-syarat yang ada pada badan-badan berkanun itu, oleh sebab mereka ini terlibat daripada masaalah orang yang asalnya ada tanah, tetapi dengan sebab diambil oleh Kerajaan, mereka sudah balik asal tiada mempunyai tanah.

Tuan Yang di Pertua, saya bercakap dalam masaalah Perkhidmatan Luar Negeri. Dalam masaalah ini iaitu dasar luar negeri Malaysia sekarang berada di kemuncak yang mengembirakan dan dapat diterima oleh rakyat bersesuaian pula dengan kehendak antarabangsa. Dari sejak dahulu, Tuan Yang di Pertua, saya pernah kemukakan dalam Dewan ini bagi menyeru Kerajaan supaya

mengadakan perhubungan dengan negara-negara dalam dunia ini dengan tidak kira apa ideology yang dianuti atau diamalkan oleh negeri itu.

Syukur, baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah membuat satu lambaran baharu dalam sejarah perhubungan antarabangsa iaitu Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur yang berpengaruh. Saya ucapkan syabbas dan tahniah atas usahanya.

Kita telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Kerajaan Russia iaitu berhubung dengan kebudayaan, perniagaan, perusahaan dan saintifik, maka dengan ini akan bertambah luas bantuan dan pertolongan khasnya kita hendak melaksanakan Dasar Ekonomi Baharu.

Malaysia, sebuah negara yang kecil di Asia ini, kita mencapai persetujuan dengan Russia sebuah negara besar. Ketika hendak melaksanakan detil perjanjian ini, saya harap Kerajaan supaya berhati-hati dan berwaspada, kita tidak mahu apa yang telah terjadi perjanjian-perjanjian yang telah dibuat oleh Soviet Russia dengan negara-negara Islam, khasnya seperti Masir bilamana pelaksanaan hendak dijalankan rakyat negeri itu bersangkutan dan Kerajaan negeri itu membantah. Jadi dalam hal ini, kita tidak mahu jadi di Malaysia ini. Tegasnya maksud saya, natijah perjanjian tujuan asalnya memberikan munafaat dua negara, tetapi saya ingin jangan hendaknya Malaysia ini dijadikan negara yang boleh mencapai tujuan kuasa-kuasa besar yang sentiasa bertentangan antara besar dengan besar. Akibatnya, kehancuran, kesusahan rakyat akan terima dengan peratarangan ini.

Dalam perhubungan kita dengan negara Cina Kominis sekarang berada di ambang kemajuan yang sangat baik. Walaupun belum mengadakan perhubungan diplomatik dan pernah dicakapkan di dalam Dewan ini, tetapi saya memberikan satu penghargaan kepada Kerajaan sebab tidak putus-putus menjalankan satu usaha sebab mutalalamat kita pada satu masa menghendaki supaya perhubungan diplomatik kita dengan Cina Kominis dapat diteruskan.

Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam masaalah ini telah mengatakan bahawa kita kenalah berunding dengan negara-negara Asean berhubung dengan langkah hendak mengiktiraf Kerajaan Cina Kominis. Ini saya fikir satu usaha yang baik, tetapi jangan dilupakan bahawa dalam negara Asean itu terdapat banyak yang tidak sama dengan Malaysia. Umpamanya di Filipina mempunyai satu perjanjian dengan Kerajaan Amerika selepas daripada negeri itu merdeka, pengkalan Amerika mesti ada 99 tahun. Bagitu juga Thailand, Pengkalan Tentera Amerika berada di sana. Singapura baharu-baharu ini, Perdana Menteri, Lee Kuan Yew, telah mengatakan bahawa mereka berkehendakkan sangat supaya askar-askar Amerika itu berada di Thailand.

Pada kesimpulannya menurut hemat saya, Tuan Yang di Pertua, dalam negara Asean ini bermacam-macam pendapat. Saya fikir jangan hendaknya perkara seumpama ini akan menyekat kemajuan kita hendak mengadakan perhubungan diplomatik dengan Kerajaan Cina Kominis. Sebab, Tuan Yang di Pertua, pada saat sekarang yang lebih hampir antara negara-negara Asean ini ialah Malaysia, mudah-mudahan dengan adanya hubungan diplomatik kita dengan Cina Kominis ini bukan sahaja dapat menulung kepada negara kita ini yang mana sekarang sedang diancam oleh pengganas-pengganas komunis di kawasan sempadan dan dengan adanya hubungan baik kita berdalilog dengan Cina Kominis ini, saya berharap dan saya berdoa kegiatan komunis yang hendak menyusahkan rakyat dalam negeri ini akan dapat dihapuskan dari satu masa kesatu masa.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, dengan adanya hubungan rapat kita akan datang dengan Cina Kominis, saya memandang bahawa kerjasama akan dapat diberikan oleh negara besar ini kepada negara-negara Asean.

Tuan Yang di Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan di bidang pengurusan telah mengatakan tambahan peruntukan dalam Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Satu masaalah yang saya hendak sentuh iaitu ada satu kumpulan yang menarik rakyat Malaysia ini supaya mem-

punyai dua kerakyatan, satu kerakyatan Malaysia dan satu lagi kerakyatan yang berupa asal negeri itu.

Mereka ini menggunakan kerakyatan Malaysia hanya untuk mendapat hak dalam negeri ini, tetapi keuntungan, kesetiaan mereka mereka terus ke negara asal. Kita tidak boleh menafikan bahawa sebilangan besar daripada mereka itu mempunyai taat setia yang tulin menunaikan kehendak negara ini, bahkan mereka bertungkus-lumus pula hendak mewujudkan masyarakat Malaysia. Dengan tegasnya mereka telah memberi ingatan terus terang kepada rakyat Malaysia yang seketurunan dengan mereka supaya melupakan negara asal. Tetapi menurut pada himat saya, masih kurang diterima dan meragukan sebilangan besar rakyat dalam negeri ini tentang kesetiannya yang ditunjukkan cara amalan oleh mereka itu.

Saya hendak gambarkan rupa kesangsian yang menjadi tandatnya oleh sebahagian besar rakyat negeri ini iaitu masih ada lagi kata-kata sumbang dengan meminta dikuotakan dalam Jabatan Kerajaan menurut polisi ramai bangsa dalam negeri ini.

Yang kedua perusahaan dan perniagaan yang mereka hakiki belum dapat dicorakkan masyarakat Malaysia pada Kerajaan.

Yang ketiga, dalam usaha melahirkan satu kebudayaan bercorak keperibadian Malaysia telah disangkal tidak sanggup mengurbankan sedikit kebudayaan asal masing-masing.

Yang keempat, kebetulan pula, Taipeh (Taiwan) mendakwa 3 juta rakyatnya berada di Malaysia dengan sebab itu diwujudkan satu Kementerian Khas mengenai orang-orang Cina di seberang laut. Ini juga ada didakwa oleh sebahagian besar rakyat keturunan India.

Yang kelima, atas usaha mengajak rakyat Malaysia keturunan Cina atau India cara diam-diam menumpukan taat setia kepada negara asalnya. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengkaji semula kerakyatan mereka ini kiranya dan boleh beri peluang pada mereka iaitu mahu pilih Malaysia atau negeri asal. Malahan kita pula, Tuan Yang di Pertua, telah mendengar sungutan-sungutan daripada mereka

ini iaitu mereka diberikan kerakyatan Kelas Dua tidak sama dengan orang Melayu, jadi kita beri peluang baik baginya. Masaalah ini, saya harap Kerajaan hendaklah jangan mem-bisu sahaja, tetapi memikirkan dengan secara serious, salah satu daripadanya, saya fikir, patut diambil tindakan, kerana ini adalah anasir-anasir luar negeri membakar rakyat Malaysia yang hidup aman dan damai.

Tuan Yang di Pertua, satu perkara yang saya hendak sentuh dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan berhubung dengan perusahaan utama dalam negeri ini, berhubung dengan getah, bijeh timah, kayu balak dan lada hitam. Cuma saya hendak bangkitkan dalam masaalah getah sahaja.

Getah yang saya hendak katakan dalam Dewan ini iaitu bagi pihak pekebun-pekebun kecil yang seramai 350,000 orang, tanahnya seluas 685,000 ekar. Ini telah diusahakan oleh Kerajaan bagi membaiki pendapat-pendapat daripada pekebun-pekebun kecil kita. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan baharu-baharu ini telah mengubah peraturan berhubung dengan kehendak-hendak pekebun-pekebun kecil iaitu pekebun-pekebun kecil kebawah daripada 15 ekar akan dapat bantuan dan juga mereka yang belum menanam, dahulu hanya dibenarkan tanam 5 ekar, sekarang dibenarkan lebih daripada 5 ekar.

Satu perkara lagi, saya fikir, Kerajaan belum dapat menimbangkan iaitu pekebun-pekebun kecil kita supaya bantuan menanam semula itu ditambah daripada \$750 sekarang kepada \$1,000 satu ekar. Masaalah ini, Tuan Yang di Pertua, oleh sebab kita memandangkan keadaan bahan-bahan harian mahal yang keduanya usaha hendak menyuburkan dan memulihkan pokok-pokok ini memakan belanja yang banyak.

Yang akhirnya, dalam masaalah pekebun kecil, ini saya mengharapkan pada Kementerian ini cuma mengiktiraf Persekutuan Pekebun Kecil Kebangsaan sahaja yang ahlinya seramai 20,000 orang. Sebab, saya mendapat tahu dalam negeri ini banyak usaha-usaha hendak menjadikan dirinya sebagai wakil pekebun kecil, tetapi saya berharap Kerajaan mengiktiraf Persekutuan yang telah saya sebutkan itu, sebab persekutuan yang ada ini benar-benar ahlinya datang daripada

ahli pekebun-pekebun kecil. Ada setengah-setengah yang hendak menjadikan dirinya wakil pekebun kecil, mereka sanggup membayar yuran-yuran atas nama pekebun kecil asalkan nama dirinya itu dapat dijadikan jawatankuasa tertinggi ataupun perundingan Kerajaan dengan badan ini. Saya harap Kerajaan dapat memerhatikan masaalah ini supaya tidaklah pada masa akan datang nasib pekebun kecil kita, akan terkeliru oleh manusia-manusia ini.

Saya menyokong atas ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan menaikkan cukai buah-buahan luar negeri. Ini adalah meng-gembirakan peladang kita, kerana buah-buahan yang dapat mereka terima masa akan datang akan dapat harga yang baik. Saya hendak tanya Kementerian yang berkenaan, Kementerian Pertanian dan Perikanan, dapatkah buah-buahan dalam negeri ini menampung makanan rakyat Malaysia yang berjumlah 10 juta. Kalau tidak dapat, Tuan Yang di Pertua, ini satu usaha yang patut diberatkan oleh Kementerian ini dengan memberikan benih-benih buah-buahan yang baik, yang bermutu kepada peladang-peladang kita dan petani juga hendaklah berikhtiar mencari buah-buahan yang tidak bermusim. Kebanyakan buah-buahan dalam negeri ini mempunyai musim, jika tidak ada musim buah-buahan tidak akan dapat kita perolehi. Jadi kita akan galakkan pada peladang-peladang kita supaya menanam buah-buahan yang tidak ada bermusim yang tidak berputus-putus.

Yang kedua, Jabatan Pertanian juga ada satu badan yang bernama MARDI. Mereka juga patut mengkaji, menyiasat buah-buahan yang bermusim itu supaya dapat disengkatkan daripada biasanya tiap-tiap tahun sekali, tetapi buah-buahan itu dengan kajian boleh berbuah 6 bulan sekali.

Selain daripada itu, Persatuan Peladang kita telah tubuhkan dalam negeri ini, berilah galakkan dan peruntukan-peruntukan kerana membanyakkan hasil tanaman buah-buahan dalam negeri ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberikan satu jaminan berhubung dengan nasib nelayan-nelayan kita dan syarikat perusahaan daripada Amerika dan Jepun akan mengambil ikan-ikan yang ditangkap

oleh nelayan-nelayan kita. Ini adalah satu perkara yang sangat menggemirakan penangkapan ikan nelayan-nelayan kita di dalam negeri ini, tetapi sehingga setakat ini dalam masaalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan kita, Tuan Yang di Pertua, belum dapat lagi dirasmikan oleh Kerajaan iaitu berhubung dengan perompak-perompak atau penangkap ikan daripada luar negeri yang biasanya mengacau nelayan-nelayan kita iaitu seperti penangkap ikan daripada luar negeri, saya maksudkan daripada Singapura, daripada Taiwan, daripada Burma, daripada Thailand dan sebagainya. Jadi keadaan yang semacam ini, kalau nelayan kita pergi ke laut dengan keadaan gangguan-gangguan yang didatangkan oleh perompak-perompak atau lanun ini, maka tujuan Kerajaan hendak membaiki taraf hidup nelayan-nelayan kita tidak akan sempurna. Saya harap Kerajaan juga akan memberikan perhatian penuh dalam masaalah ini.

Satu perkara lagi dalam peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan hendak membuat jalanraya dan jambatan, jalanraya yang saya sebutkan jalan yang besar dan yang jauh-jauh. Tetapi saya hendak mengingatkan Kerajaan bahawa dalam usaha Kerajaan hendak melaksanakan lebuh-roya umpamanya misal jalan dari Pahang ke Segamat itu memakan belanja berjuta-juta ringgit. Dalam usaha Kerajaan hendak melaksanakan jalan-jalan dan jambatan yang saya sebutkan ini Kerajaan janganlah lupa adanya sabotaj (sabotage) yang duduk yang sentiasa memerhatikan hendak menggagalkan usaha Kerajaan ini. Kadang-kadang usaha yang Kerajaan hendak buat itu boleh siap dalam enam bulan, tetapi dengan ada sabotaj ini merosakkan jentera-jentera Kerajaan ataupun menakut-menakut orang yang bekerja dalam rancangan ini, usaha Kerajaan daripada enam bulan itu ditangguhkan sampai sekarang. Jadi, masaalah ini patut Kerajaan perhatikan, sebab ada juga anasir-anasir yang tidak gemar bahawa rancangan Kerajaan ini dapat diteruskan dalam waktu yang dijadualkan.

Selain daripada itu, Kerajaan juga bila hendak membuat jambatan, jangan lupa pula jambatan yang kecil-kecil yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk luar

bandar dan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri, sebab kalau kita buat jambatan atau jalan yang saya sebutkan tadi, rakyat yang di kampung-kampung tidak nampak jambatan itu, tidak nampak jalan itu. Yang mereka nampak jalan-jalan yang ada di sisi kawasannya.

Ada setengah-setengah tempat saya dengar bertahun-bertahun telah meminta supaya Kerajaan membuat jalan, membuatkan jambatan, tetapi hingga sampai saat ini jambatan atau jalan di kampung itu belum lagi diusahakan oleh Kerajaan. Jadi, maksud saya jangan Kerajaan hanya hendak menumpukan perbelanjaan ini membuat jalan-jalan yang besar, dengan Kerajaan mengepikan dan meninggalkan atau melambatkan jalan yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk luar bandar, khasnya.

Saya gemar memberikan satu pandangan kepada Kerajaan atas apa yang dibangkitkan oleh wakil-wakil rakyat di dalam Dewan ini berhubung dengan jalan dan juga jambatan. Barangkali Tuan Yang di Pertua pun ingat, salah seorang daripada Wakil Rakyat dari Krian Laut dahulu telah menyatakan iaitu Allahyarham Tuan Rauf bin Abdul Rahman telah menyatakan supaya Kerajaan membuat jambatan di Krian dan Bandar Baharu di dalam Dewan ini, tetapi Kerajaan pada masa itu memikirkan ucapan Allahyarham Yang Berhormat itu tidak begitu penting. Akhirnya terjadi peristiwa yang tidak menyenangkan kita. Saya harap Kerajaan apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya dikaji balik dan difikirkan bagi dilaksanakan.

Tuan Yang di Pertua, dalam masaalah buruh. Saya hendak katakan dalam Dewan ini iaitu saya telah membuat soalan dalam masaalah buruh ini, tetapi sayang soalan itu tidak termasuk di dalam apa yang dikemukakan. Sekarang buruh kita di Malaysia ini ada sebanyak lebih kurang 65,000 orang telah pergi ke Singapura. Mereka bekerja di Singapura ini dengan tidak dapat hak-hak buruh. Kadang-kadang mereka ini terkena kemalangan, tidak ada satu pembelaan. Saya harap kalau Kerajaan tidak dapat menyekat buruh kita ini pergi ke Singapura, oleh kerana Singapura kurang buruh, maka Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura hendaklah membuat satu perundingan supaya

diberikan hak-hak buruh kepada buruh-buruh kita yang seramai 65,000 orang khususnya buruh-buruh ini yang banyak digunakan oleh ahli-ahli kontrek di Singapura yang datang daripada selatan Malaysia.

Pembangunan di Singapura itu, pada masa sekarang buruh kasar banyak datang daripada Malaysia dan juga kita mesti memikirkan kenapa buruh Malaysia ini lari ke Singapura.

Satu daripada puncanya saya nampak bahawa upahan yang diberikan, yang didapati daripada Singapura itu adalah lumayan. Jadi, kita harap kalau Kerajaan Malaysia hendak melawan dalam masaalah ini, upahan yang diberikan kepada buruh-buruh kita di Malaysia ini hendaklah sama dengan upah atau gaji yang diberikan oleh kontrek-kontrek di Singapura itu.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah banyak membuat perusahaan dan perindustrian. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah memberikan jawapan, tak kurang daripada 200 lebih kilang yang telah didirikan dalam negeri, tetapi satu masaalah yang timbul sekarang, ialah kita kurang pekerja-pekerja yang mahir. Oleh itu, saya mengesyorkan kepada Kerajaan di mana perkilangan yang hendak didirikan dalam negeri ini hendaklah mereka itu disyaratkan membayar satu fund kerana tabung membiayai Pusat Latihan Pekerja yang mahir. Jadi, tiap-tiap perkilangan yang hendak diwujudkan di dalam negeri ini hendaklah mereka itu membayar kepada tabung yang saya cakapkan itu. Tabung ini pada permulaannya dibayar, kemudian tiap-tiap bulan dan juga kilang-kilang yang telah ujud dalam negeri ini supaya menghulurkan derma kepada tabung yang saya katakan.

Tujuannya supaya Pusat Latihan ini menambahkan pusat latihan yang ada dalam negeri ini, sebab menurut himat saya, Pusat Latihan Pekerja yang mahir dalam negeri ini tidak mencukupi. Dengan adanya pusat ini dikendalikan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, saya mengharapkan pada masa akan datang negara kita ini akan ramai menerima pekerja-pekerja yang mahir. Kalau perkilangan ini didirikan dalam negeri kita, tetapi kurang pekerja-pekerja yang mahir, itu juga menjadi satu halangan atau

kegagalan dalam usaha mengeluarkan barang-barang daripada perkilangan itu. Kita harap dengan adanya latihan yang disumbangkan oleh perkilangan dan swasta ini akan melatih pekerja yang mahir daripada peringkat bawahan hingga ke peringkat tinggi.

Tujuannya memberi faedah kepada swasta, memberi faedah kepada perkilangan itu, dapat barang-barang yang dikeluarkan itu dengan mutu yang baik dan dia dapat pekerja-pekerja yang mahir sebagaimana yang dikehendaki. Jadi, dengan keadaan yang macam ini, saya fikir satu daripada cabang usaha kita hendak mengatasi pengangguran yang ada dalam negeri kita.

Akhir ucapan saya, Tuan Yang di Pertua, dalam bidang menambahkan pendapatan negara, di antara langkah yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan itu menambahkan hasil dengan mengenakan cukai yang dibutirkan dalam Anggaran Belanjawan ini.

Saya berasa hairan, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tidak menyebutkan usaha rancangan mendapatkan hasil minyak daripada perut-perut laut ataupun dalam bumi Malaysia. Saya dengar banyak perusahaan-perusahaan luar negeri telah membuat tawaran hendak mengambil hasil minyak di perut-perut laut dalam kawasan tanah air kita, tetapi malangnya dalam ucapan ini tidak disebutkan dan saya fikir kalau dapat dilaksanakan hasil pengeluaran minyak ini akan menambahkan lagi hasil negara kita.

Saya fikir patut Kementerian memberitahu usaha ini samada gagal ataupun tidak dapat dijalankan dan apa puncanya yang menyebabkan tidak dapat dijalankan itu.

Saya harap dengan kemewahan hasil-hasil negara, dengan bahan-bahan mentah kita dalam negeri ini pada masa akan datang Belanjawan kita tidak akan mengenakan cukai kepada rakyat dalam negeri ini dan cukai-cukai yang ada sekarang patut diturunkan, sebab kalau berdasarkan hasil mahsul yang akan dikeluarkan pada masa akan datang bertambah mewah dan kita patut mencontohi negeri-negeri yang lain seperti Arab Saudi atau negeri-negeri yang kaya dengan hasil minyaknya. Mereka tidak banyak mengenakan cukai kepada rakyat, maka saya fikir bilamana usaha ini telah dapat disempurnakan oleh Kerajaan, Kerajaan juga

akan memikirkan bahawa cukai ini patut dikurangkan ataupun dihapuskan pada perkara-perkara yang tidak begitu penting pada pungutan hasil ini.

Setakat itulah yang dapat saya berikan sokongan dalam Anggaran Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita.

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Kota Bharu Hulu):** Tuan Yang di Pertua, seperti lazim bila masa hampir kepada Persidangan Belanjawan Negara seluruh rakyat menumpukan perhatian kepada Dewan yang bertuah ini.

Tumpuan itu bukanlah sekadar untuk mengetahui berapakah anggaran belanjawan yang dikenakan kepada tiap-tiap Kementerian, tetapi tumpuan itu ialah untuk mengetahui berapakah jumlah cukai-cukai baharu yang akan dikenakan kepada rakyat, terutama sekali kaum pedagang yang mungkin niatnya ikhlas ataupun mungkin juga niatnya hendak mengspekulasikan setengah-setengah barang yang dianggap akan naik cukainya sesudah diistiharkan dalam Ucapan Belanjawan Negara. Akan tetapi, dalam Ucapan Belanjawan yang disampaikan baharu-baharu ini tidak banyak perkara yang memeranjatkan orang ramai dan saya kira tidak banyak perkara-perkara yang boleh dispekulasikan oleh sebahagian daripada saudagar-saudagar. Sebab yang saya perhatikan umpamanya cukai buah-buahan daripada luar negeri, apalah yang dapat dispekulasikan dengan buah-buahan luar negeri, tetapi yang ternyata bahawa cukai-cukai itu sedikit sebanyak adalah memberi ataupun menyentuh kedudukan sebahagian besar daripada rakyat negeri ini, yang ternyata buah-buahan daripada luar negeri ini naik harga dan sebahagian daripada senarai-senarai barang-barang dalam negara kita inipun ikut naik harga dengan bertambahnya cukai-cukai baharu seperti yang dinyatakan di dalam ucapan yang Berhormat Menteri Kewangan baharu-baharu ini.

Walau bagaimanapun, saya sependapat dengan sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan ini bahawa Anggaran Belanjawan Negara seperti mana yang telah dibentangkan dengan langkah-langkah mengenakan cukai-cukai baharu ini amatlah sederhana sekali, jika dibandingkan

dengan cara-cara yang lebih mengejut yang seperti dilakukan pada tahun-tahun yang telah lalu.

Satu perkara yang kita dapat perhatikan bahawa semangat daripada Ucapan Belanjawan Negara seperti yang telah disampaikan itu masih merupakan semangat lama. Seperti apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi bahawa usaha untuk menambahkan hasil negara sebahagian besarnya ditumpukan kepada kenaikan cukai, dan ini kalaulah cara-cara seperti ini masih tetap diamalkan sampai kepada beberapa tahun yang akan datang, lambat-laun akan berlaku suatu penyakit baharu dalam negara kita ini iaitu penyakit inflasi mata kewangan negara kita. Bertambah naiknya cukai akan bertambah turunnya nilai mata wang dan akan timbullah hal-hal baharu di kalangan pekerja-pekerja dalam negara kita ini, hal-hal mana menyebabkan tuntutan kenaikan gaji dan sebagainya. Maka dengan demikian tujuan atau hasil untuk mendapatkan wang yang banyak daripada kenaikan cukai ini, pada akhirnya nilai tidak memberikan hasil seperti yang diharapkan.

Tuan Yang di Pertua, perlulah negara kita meninjau dari beberapa aspek yang lain untuk memperkukuh dan memperkuat kewangan negara kita. Soal-soal income tax ataupun cukai pendapatan perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya.

Ada di antara Ahli Yang Berhormat ini telah menyuarakan bahawa patutlah Kerajaan mengkaji semula tentang orang-orang yang berpendapatan lebih daripada \$10,000 sebulan supaya dikenakan kadar cukainya lebih tinggi daripada biasa. Saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat itu bahawa kadar-kadar yang lebih tinggi kepada orang-orang yang berpendapatan tinggi yang lebih daripada keperluan yang sepatutnya ada kepada keluarganya patutlah dikenakan dan ini merupakan satu sumbangan yang besar kepada kedudukan dan keteguhan kewangan negara.

Di samping itu, suatu kajian yang menyeluruh tentang kedudukan kadar mengena atau mengecualikan wang-wang pendapatan kepada suatu keluarga seperti yang dipakai pada masa sekarang ini satu keluarga kata-lah yang bertanggungjawab dalam keluarga

itu dikecualikan sebanyak \$2,000 setahun, isterinya \$1,000; anaknya yang pertama \$750; yang kedua dan yang ketiga \$500; yang keempat dan kelima \$300; anak yang lebih dari yang kelima itu tidak dikira anak.

Pertama sekali ialah tentang ukuran mengenakan \$2,000 bagi kepala keluarga itu dikecualikan daripada dikenakan cukai pendapatan. Ukuran ini dibuat pada tahun berapa? Sudah berapa lama ukuran ini telah dipakai sehingga sekarang ini? Saya kira ukuran ini amatlah tidak menasabah disaat keadaan kewangan kita, keadaan harga barang seperti sekarang ini ukuran seperti ini terlalu tidak menasabah. Saya rasa patutlah pihak Menteri Kewangan membuat satu kajian supaya ukuran-ukuran yang dinyatakan tadi ditambah sekurang-sekurang 30% daripada yang ada sekarang ini dan demikian pula berkenaan dengan jumlah anak-anak yang menjadi tanggungan kepada kepala keluarga. Mahu atau tidak mahu samada negara bencikan orang yang beranak banyak atau tidak, kepala keluarga adalah menjadi kewajipan kepadanya menanggung anak-anaknya yang banyak. Dengan mengecualikan anak yang lebih daripada lima dengan tidak dikenakan potongan, pengecualian daripada potongan cukai pendapatan menyebabkan timbul suatu pengertian yang secara tidak langsung yang menganggap bahawa negara mengamalkan satu dasar yang sangat-sangat tidak bertimbang rasa kepada satu keluarga yang mempunyai tanggungan anak-anak yang banyak.

Saya sedar bahawa perkara ini telahpun disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pada masa-masa lalu dan juga oleh saya sendiri dan telahpun mendapat jawapan daripada Menteri Kewangan yang berkenaan tentang kenapa negara hanya menghadkan setakat lima orang sahaja anak-anak, tetapi saya rasa alasan yang diberikan pada tahun-tahun yang lalu itu mungkin sudah lapuk untuk tahun ini atau tahun-tahun yang akan datang. Maka suatu kajian baharu perlu diberi perhatian yang wajar.

Satu perkara lagi ialah berkenaan dengan zakat orang-orang Islam. Mengikut hukum Islam orang-orang Islam itu wajib mengeluarkan zakat dan zakat ini merupakan suatu rukun yang terkandung dalam rukun-rukun Islam itu sendiri. Barangsiapa umat Islam yang lari daripada mengeluarkan zakat,

ertinya dia telah mengeciwakan satu daripada rukun ugamanya yang dia patuhi selama ini.

Timbul persoalan pada masa-masa yang telah lalu patut atau tidaknya wang yang dikeluarkan untuk membayar zakat ini dikecualikan daripada bayaran cukai pendapatan, sedangkan wang-wang yang dikeluarkan untuk memberi derma kepada badan-badan kebajikan yang diakui atau diiktiraf oleh Kementerian Kewangan, wang-wang itu mendapat pengecualian daripada diperhitungkan di dalam hitungan cukai pendapatan.

Saya rasa, sudah tiba masanya juga negara kita ini mengkaji semula dan kalau dapat seberapa segera yang boleh melaksanakan sesuatu konsep baharu bahawa wang yang dikeluarkan oleh umat Islam untuk membayar zakat adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Hal ini mungkin tidak akan menimbulkan iri hati dikalangan orang-orang yang bukan beragama Islam. Mereka pun dapat juga berbuat demikian dengan tidak payah mengeluarkan zakat sebab mereka tidak diwajibkan berzakat, tetapi mereka boleh mengeluarkan wang mereka dengan seberapa banyak untuk memberi sumbangan kepada badan-badan kebajikan dalam negara kita ini dan dengan demikian wang-wang itu tidak dimasukkan hitung untuk dipotong cukai pendapatan.

Dengan cara seperti ini, Tuan Yang di Pertua, ada dua faedah kita dapati. Faedah yang pertama sekali ialah badan-badan yang ditubuhkan dibawah undang-undang untuk menyelenggarakan persoalan zakat dan fitrah dalam negara kita ini mendapat nafas yang baharu sebab selama ini sebahagian besar umat Islam hanya memberi pungutan fitrah semata-mata kepada badan-badan ini seperti Majlis Ugama Islam atau sebagainya. Jarang sangat, walaupun ada umat Islam yang membayar zakat, terutamanya zakat perniagaan kecuali zakat tanaman padi.

Kalau sekiranya yang dibayar untuk zakat itu dikecualikan daripada Income Tax, saya percaya banyak peniaga-peniaga Islam akan memberikan perhatian yang berat ke arah ini dengan jalan memperhitungkan hasil dagangannya dengan membayar zakat perniagaannya kepada pihak Jabatan Ugama

atau Majlis Ugama Islam dan dengan demikian wang itu dikecualikan daripada bayaran Income Tax.

Tuan Yang di Pertua, itu ialah perkara-perkara yang di antara beberapa perkara yang patut diperhati oleh negara kita. Ada pun tentang soal untuk menambahkan lagi hasil pendapatan negara kita tentulah saya sependapat juga dengan Ahli Yang Berhormat yang baharu sahaja sebentar tadi iaitu usaha mempergiat mencari tambang minyak ataupun lombong minyak dalam laut seperti baharu-baharu ini dapat di negeri Sabah dapat dilaksanakan dengan lebih giat lagi dan diberikan keutamaan-keutamaan yang sewajarnya kepada usaha yang seperti itu supaya dengan demikian negara akan dapat menampung kedudukannya dengan lebih teguh lagi pada masa-masa yang akan datang.

Saya beralih sedikit, Tuan Yang di Pertua, untuk bercakap berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam paragraf 23 yang mana Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyebutkan bahawa kebimbangan Kerajaan yang utama berkaitan dengan pengeluaran beras ialah kita mungkin mengeluarkan beras banyak daripada apa yang dapat digunakan dalam negeri.

Perkara ini jika berlaku akan memberi akibat yang buruk oleh kerana harga purata beras tempatan sebanyak \$430 setan adalah lebih tinggi daripada harga pasaran dunia sebanyak kira-kira \$130 purata pada satu tan. Bahkan kalau pengeluaran lebih daripada keperluan kita, sudah tentulah kita akan mengeksportkannya dengan kerugian ataupun membiarkan sahaja ianya musnah di gedung walau apa tindakan yang kita ambil kita akan mendapat kesusahan oleh sebab-sebab yang sungguh nyata. Oleh itu, adalah mustahak bagi kita mengambil langkah-langkah supaya kita tidak mengeluarkan lebih daripada 90 persen daripada jumlah keperluan dalam negeri walau dalam apa-apa keadaan pun. Ini patut menjadi pendirian kita yang utama sungguhpun didapati kekurangan sementara dalam pengeluaran beras dan dengan itu harga beras dunia telah naik dengan banyaknya dalam tahun 1972.

Tuan Yang di Pertua, ucapan ini diberikan dengan begitu berterus-terang dengan tidak berselindung lagi tentang soal yang mengenai perusahaan dan pertanian padi atau beras dalam negara kita.

Sudah beberapa kali Rumah yang bertuah ini disuarakan oleh sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini tentang akan timbulnya masalah kelebihan beras daripada keperluan atau pemakaian dalam negara kita ini, sedangkan di samping petani-petani menuntut dengan tegasnya supaya harga beras yang seperti dihadkan oleh negara itu dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Kita sekarang ini, Tuan Yang di Pertua, mempunyai banyak projek yang menelan belanja ratusan million ringgit untuk memperbanyakkan hasil pengeluaran padi dan beras dalam negara.

Rancangan Muda misalannya meliputi 200,000 ekar lebih kurang untuk pengeluaran beras.

Rancangan Kemubu misalnya melibatkan hampir 50,000 ekar dan ada berpuluh-puluh ribu ekar lagi di bawah rancangan-rancangan lain dalam negeri Kelantan sahaja. Ini belum masukira dalam rancangan-rancangan yang lain.

Jadi dengan keadaan seperti demikian, saya percaya dan saya sependapat dengan Yang Berhormat Ahli dari Muar Dalam yang telah berucap pada hari semalam tentang betapa kurang perhatian ataupun tidak atau masih belum disuarakan suatu rencana yang konkrit seperti rencana yang ada di bidang perindustrian yang lain, rencana yang konkrit di bidang pertanian. Dengan jatuhnya harga kelapa dan sebagainya, maka timbul pula persoalan harga beras.

Masalah kelapa dan beras walaupun begitu menderitakan kaum-kaum tani yang ada kelapa kering, tetapi dari perhitungan mengikut jumlah kepala keluarga yang terlibat daripada hasil pertanian ini, maka nyatakan bahawa penanaman padi ini melibatkan begitu banyak sekali kepala keluarga dan sebahagian besar daripada mereka itu mungkin 99 persen terdiri daripada orang-orang Melayu ataupun bumiputra di negara kita.

Bagaimanakah caranya untuk mengatasi atau bagaimanakah caranya untuk menepati dengan kehendak-kehendak seperti diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu supaya target kita, langkah-langkah iaitu kita tidak akan mengeluarkan padi atau beras dalam negara kita ini lebih daripada 90 persen daripada jumlah keperluan dalam negeri walau dengan apa keadaan pun. Apakah langkah itu akan diambil dengan cara mengejut dengan jalan dihentikan perusahaan padi dan beras ditempat lain sambil membiarkan atau menggalakkan kaum tani mengeluarkan beras dengan banyaknya di negeri Kedah, di Perlis dan juga negeri Kelantan. Kalau hal yang demikian berlaku, maka nyatalah rakyat bumiputra negeri Kedah, Perlis dan negeri Kelantan akan terkorban oleh suatu langkah yang tidak begitu cermat dalam menentukan dasar atau matlamat negara tentang keperluan mengenakan barang-barang makanan dengan tanggungan diri kita sendiri.

Tuan Yang di Pertua, barangkali negara kita terpaksa menderita akibat kerugian beberapa tahun lagi untuk masa akan datang iaitu terpaksa negara kita ini menanggung beberapa banyak kerugian untuk membelikan atau menetapkan pembelian harga padi ini mengikut ukuran Kerajaan sendiri dan walaupun terpaksa Kerajaan menjualkan beras-beras yang lebih itu keluar negeri dengan harga yang murah tetapi itu lebih bijaksana daripada membiarkan beras itu menjadi reput dalam gedung-gedung disimpan oleh Kerajaan itu sendiri.

Membiarkan beras-beras itu reput dalam gedung Kerajaan dengan tidak berusaha supaya barang-barang itu dijual keluar negeri adalah suatu sikap yang bebal.

Tuan Yang di Pertua, di samping soal beras ada lagi satu hasil pengeluaran yang baharu muncul, tetapi tidak kurang pentingnya untuk ekonomi negara dan juga ekonomi rakyat iaitulah soal tembakau. Soal tembakau ini iaitu penanaman tembakau Virginia dalam negara kita ini telah merupakan suatu perusahaan yang begitu penting dan begitu besar sekali.

Mengikut dalam tahun 1972 ini sahaja hampir 75,000 kaum tani (farmers) terlibat dengan penanaman tembakau ini. Lebih kurang antara 60,000 di negeri Kelantan,

10,000 di negeri Trengganu dan hampir 5,000 di lain-lain negeri adalah petani-petani yang menanam tembakau itu. Dan jangka hasil pengeluaran tembakau dalam tahun 1972 yang lepas antara 15 hingga 16 juta paun tembakau kering.

Di negeri Kelantan sahaja adalah dijangka dalam tahun 1973 akan dapat mengeluarkan 12 juta paun tembakau kering dan jumlah ini meningkat dari setahun ke setahun sehingga pada tahun 1976 akan meningkat kepada 16 juta paun. Dan kita sebutkan tadi ialah kira-kira 75,000 kaum tani yang terlibat dengannya, tetapi ini berlainan pula dengan pekerja-pekerja. Pekerja-pekerja yang diperlukan oleh pusat-pusat pengeringan atau penyalan tembakau-tembakau basah ini.

Di negeri Kelantan, pekerja-pekerja itu adalah berjumlah lebih kurang 20,000 orang, di Trengganu antara 3,000 hingga 5,000 dan di lain-lain negeri ialah 2,000 hingga 3,000.

Saya terpaksa menyebut angka-angka ini lebih kurang, Tuan Yang di Pertua, ialah untuk memberikan gambaran betapa perusahaan tembakau ini telah dan sedang memainkan peranan yang besar tentang kehidupan rakyat. Kalau 75,000 kaum tani campur dengan 25,000 kaum pekerja, berjumlah hampir 100,000 keluarga yang terlibat, yang ertinya kalau 100,000 keluarga yang terlibat, kalau satu keluarga ada 5 tanggungan atau 4 tanggungannya, menjadikan 5 orang satu keluarga, adalah hampir setengah juta kaum tani yang menumpang hidup di bawah perusahaan tembakau dalam negara kita ini.

Dalam tahun 1971, negara telah dapat memungut duti tembakau ini sebanyak \$121 juta, bukan tembakau dalam negeri, tetapi duti tembakau yang dibawa masuk ke dalam negeri ini. Dan cukai eksais sebanyak \$24 juta, menjadikan jumlahnya sebanyak \$145 juta.

Dalam tahun 1971 tidak ada cukai jualan. Tetapi dalam tahun 1972 sudah dikenakan cukai jualan dan kira-kira \$1 juta sebulan kompeni rokok membayar cukai jualan kepada negara kita. Dan kalaulah kira kita takdirkan duti dan eksais dalam tahun 1972 terhadap tembakau ini sama dengan tahun 1971 maka nescayalah berjumlah

sebanyak \$145 juta maka jika dicampurkan dengan cukai jualan sebanyak \$12 juta setahun akan berjumlah sebanyak \$157 juta hasil pendapatan dalam tahun 1972 oleh negara kita.

Saya terpaksa terangkan sedikit lagi bahawa perusahaan menanam tembakau Virginia ini telah memberikan pendapatan yang lumayan kepada kaum tani di Kelantan dan Trengganu. Sebab dalam tahun 1971 adalah berjumlah sebanyak \$26 juta dan pada tahun 1972 meningkat pada kira-kira \$30 juta.

Ada satu masalah yang saya suka sebutkan mengenai perkara tembakau yang saya keluarkan cerita tembakau dengan begini panjang-lebar ialah masalah yang mengenai soal mutu tembakau dan mengenai kepada soal hasil yang sepatutnya didapati oleh penanam tembakau dan apakah peranan negara yang patut diambil untuk memajukan tembakau ini.

Di Amerika, mengikut lapuran, tiap-tiap seekor tanah yang diusahakan dengan penanaman tembakau dalam setahun dapat memberikan hasil antara 2,000 hingga 2,500 paun tembakau kering. Kalau dikira tembakau basah dikali dengan sepuluh, kalau 2,000 tembakau kering ertinya 20,000 paun tembakau basah, sedangkan di Malaysia setakat hari ini hasil daun tembakau ialah hanya antara 700 hingga 750 paun tembakau kering dalam seekor.

Cubalah kita lihat betapa jauhnya perbezaan penanaman tembakau di Amerika dengan penanaman tembakau di Malaysia. Bahkan kalau penanaman tembakau di Malaysia ini dibandingkan dengan penanaman tembakau di negeri-negeri di sekitar Tenggara Asia seperti di Indonesia, malah di negeri Thailand sendiri hasil pendapatan penanaman tembakau di Malaysia ini masih rendah, bukan soal duitnya tetapi soal jumlah barang, antara 700 hingga 750 paun tembakau kering.

Suatu experiment telah dilakukan. Dalam experiment itu telah dapat menghasilkan 1,300 paun tembakau kering dalam seekor. Dan sepatutnya dalam negara Malaysia kita ini, kita terpaksa meletakkan satu matlamat iaitu menghasilkan antara 1,000 dengan 1,500 paun tembakau kering dalam seekor.

Soal ini, adalah bergantung, pertama sekali kepada soal menggunakan benih yang baik dan baja yang baik. Inilah yang saya katakan, apakah negara dapat memberikan bantuan kepada orang-orang ini?

Sebenarnya soal berkenaan tembakau ini pernah diadakan satu seminar di Kota Bharu pada beberapa bulan yang lalu untuk mengkaji bagaimanakah caranya menjaga supaya perusahaan tembakau, baik di Kelantan, Trengganu dan seluruhnya mendapat perhatian yang baik dan termasuklah soal itu ialah usaha untuk menubuhkan suatu Lembaga bagi mengawal keadaan tembakau dan mengontrol supaya penanam tembakau itu benar-benar ditanam dalam musimnya. Tetapi belum pernah timbul dalam soal bagaimana negara boleh membantu kaum tani ini.

Kita masih ingat bahawa penanam-penanam padi pada masa-masa yang lalu oleh Kerajaan diberikan bantuan untuk menimbal sebahagian daripada harga baja, kira-kira \$7.50 kalau tidak salah ingatan saya, pada setiap satu beg, barangkali mungkin silap, tetapi adalah hampir separuh daripada harga baja padi itu ditimbal atau diganti oleh Kerajaan untuk menggalakkan kaum tani kita ini menggunakan baja padi yang baik, sesudah negara kita ini mengharapkan hasil penanaman padi yang banyak. Tetapi sampai saat ini soal bantuan negara kepada penanam-penanam tembakau masih belum timbul.

Di seluruh negara kita dalam tahun 1971 dikehendaki sebanyak 100,000 beg baja untuk tembakau Virginia yang berharga pada tiap-tiap satu beg sebanyak \$17.50. \$17.50 ini terlalu berat bagi kaum tani, sebab itulah oleh setengah-setengah kaum tani yang barangkali kurang cermat cara berfikirnya, mereka telah mencuri dengan jalan menggunakan baja padi. Apabila menggunakan baja padi, maka mutu tembakau Virginia ini jatuh dengan teruknya, yang hampir-hampir mungkin seluruhnya tidak dapat dibeli oleh mana-mana syarikat, samada MTC ataupun Rothmans, melainkan apabila digunakan baja yang khusus untuk tembakau. Maka saya sukalah memberikan satu pengesyuran supaya diberi pertimbangan oleh negara, oleh Kerajaan supaya bantuan timbal untuk kaum tani menanam tembakau ini diberi untuk membeli baja. Tidakkah

banyak, kalau harga baja \$17.50, cukup dengan \$7.50 sahaja pada satu beg diberikan bantuan.

Kalau tahun 1973 menghendaki 100,000 beg maka jumlahnya \$750,000. Kalau kita bandingkan dengan cukai yang didapati oleh negara kita, tak usah dikira duit dan eksais, cukup dengan cukai jualan sahaja.

Dalam tahun 1972 cukai jualan mendapat \$12 juta dan mungkin tahun 1973 cukai jualan akan meningkat kepada \$24 juta. Hanya negara dikehendaki mengeluarkan segelintir kecil daripada \$24 juta untuk membantu kaum-kaum tani yang menanam tembakau. Dan kita percaya bahawa walaupun sebahagian besar orang-orang yang merokok mengetahui bahawa ada bahayanya menghisap rokok, tetapi jumlah batang rokok yang dikeluarkan dari bulan ke bulan makin bertambah dari satu masa ke satu masa dan ini di satu pihak yang lain memberikan harapan yang baik kepada kaum tani yang menanam tembakau.

Satu perkara lagi, berkenaan dengan tembakau ini. Kenapa negara kita dapat terima duit sebanyak \$121 juta dalam tahun 1971 oleh kerana banyak tembakau Virginia yang dibawa masuk daripada luar negeri. Kenapa tembakau itu dibawa masuk dengan banyak, dengan kerana tembakau Malaysia masih tidak punya kemampuan untuk menandingi nilai ataupun mutu tembakau Virginia daripada Amerika. Ini mengikut kenyataan pengusaha-pengusaha rokok dalam negara kita ini. Maka mengikut apa yang diberi laporan kepada saya, hanya di atas kadar kira-kira purata 10% daripada tembakau Virginia yang ditanam di Kelantan dan Terengganu itu dicampur dengan tembakau Virginia daripada Amerika untuk dilahirkan menjadi sebatang rokok samada rokok 555 atau sebatang rokok bernama Rothmans.

Kalau sekiranya mutu tembakau dalam negara kita ini dapat ditingkatkan lagi, barangkali mungkin nilainya akan hampir sama, kalau pun tidak lebih, daripada nilai tembakau daripada Amerika mungkin dapat kita paksakan, bukan memaksa, tetapi dipaksakan dengan keadaan bahawa tembakau dalam negara ini lebih banyak digunakan oleh pengusaha-pengusaha rokok daripada tembakau dari Amerika.

Kita tahu tembakau dari Amerika harga produksinya lebih murah daripada harga production daripada tembakau di dalam negara kita, tetapi negara kita telah memberikan satu perlindungan dengan mengenakan cukai yang tinggi untuk mendapatkan tembakau daripada Amerika. Dan mungkin kalau sekiranya tembakau dalam negeri ini sudah dapat digunakan hampir 100% atau sebanyak 70-80% nescaya negara ini akan kehilangan sebahagian besar daripada duit tembakau yang dibawa masuk daripada luar negeri. Tetapi satu perkara yang saya rasa cukai eksais tidak akan menyebabkan negara ini hilang kewangannya. Saya telah cuba membuat perbandingan tentang kemungkinan dalam beberapa tahun yang akan datang, kalau sekali pun tembakau daripada Malaysia ini digunakan sebanyak 80% untuk sebatang rokok, maka cukai eksais yang akan dibayar oleh pengeluar-pengeluar rokok mungkin akan berjumlah kepada \$185 juta. Dan ini menyebabkan harus pendapatannya lebih tinggi daripada pendapatan hasil daripada cukai duit daripada tembakau yang datang daripada luar negeri.

Tuan Yang di Pertua, inilah satu hal yang saya fikir patut diambil perhatian oleh negara kita. Kalau sekiranya hasil pengeluaran tembakau dalam negeri kita ini baik, oleh kerana baik jagaannya dan baik bajanya, maka mungkin belanja pengeluarannya akan berkurangan dan harga tembakaunya akan lebih murah yang menyebabkan tembakau dalam negara kita ini bukan saja dapat digunakan untuk dalam negeri, mungkin dapat diekspot keluar negeri.

Buat masa ini tembakau daripada Malaysia tidak dapat dijadikan bahan untuk eksport kerana belanja pengeluarannya lebih besar daripada belanja pengeluaran yang dilakukan oleh negara-negara lain. Itu satu daripada perkara yang saya ingin menyatakan di sini, Tuan Yang di Pertua, tentang soal projek di bidang pertanian yang tidak boleh dianggap kecil sekiranya negara kita ingin maju, mungkin dapat kita potong 80% daripada tembakau yang dibawa masuk dalam negara, menyebabkan perusahaan menanam tembakau akan merebak dan biak ke seluruh negeri di Malaysia Barat ini dengan sebaik-baiknya pada masa yang akan datang dan ini akan dapat menjadi sebagai satu bahan tanaman yang menggantikan

tanaman padi yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai satu perusahaan yang betul-betul menyusahkan negara kita sendiri, oleh kerana harganya terpaksa mahal lebih daripada harga pasaran di luar negeri.

Tuan Yang di Pertua, saya tidak ingin bercakap banyak pada hari ini, cuma satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah baru-baru ini ada seorang pakar dalam perkara bank yang dihantar oleh Setiausaha Agung, Sekretariat Islam, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj iaitu seorang yang bernama Dr. Ahmad An-Nagar, pakar dalam bank Islam. Beliau telah datang untuk meninjau kemungkinan untuk didirikan Bank Islam di Malaysia ini, sesuai dengan Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama resmi atau agama negara. Mengikut pandangan pegawai-pegawai daripada Sekretariat Islam, maka Bank Islam ini amat sesuai dilaksanakan dalam negara kita ini. Tetapi sampai hari ini masih kita belum dengar dengan resminya sambutan resmi ataupun suatu sambutan—bukan sambutan terhadap dirinya—tetapi sambutan terhadap projek yang dibawa oleh Prof. Dr Ahmad An-Nagar itu sendiri.

Apakah Malaysia ini mungkin mendirikan sebuah Bank Islam ataupun tidak? Barangkali sesudah Dr Ahmad An-Nagar memberikan ceramah dan menyatakan pendapatnya, saya percaya bahawa bank Islam ini akan dapat didirikan seberapa segera yang boleh di negara kita ini.

Pada faham saya sudah sampai masanya, Tuan Yang di Pertua, Bank Islam seperti yang dicadangkan oleh Sekretariat Islam itu dapat dilaksanakan dalam negara kita ini sekurang-kurangnya sebagai percubaan, kita lakukan dengan bersungguh sehingga ia akan dapat menjadi satu contoh yang akan memberikan suatu keyakinan kepada mereka yang tidak percaya bahawa bank secara Islam akan dapat berhasil. Sebab mengikut pendapat setengah-setengah ahli ekonomi bahawa tiap-tiap yang bernama bank tidak akan dapat melepaskan dirinya daripada riba atau interest, tetapi walau bagaimanakah konsep Bank Islam ini dibawa tanpa interest dapat berdiri dan berjalan dengan sebaik-baiknya.

Saya bukan ahli bank, tetapi saya percaya Prof. Dr Ahmad An-Nagar ada mempunyai bukti dan kenyataan, baik dari segi ilmiah atau dari segi praktikalnya, tatkala beliau dengan secara beraninya mengemukakan konsep Bank Islam ini. Dan mengikut apa yang saya tahu bahawa konsep ini telah pun dikemukakan kepada badan Bangsa-bangsa Bersatu dan telah mendapat sambutan yang baik, dan besar kemungkinan bahawa Bank Islam ini akan dicuba juga oleh negara-negara Barat itu sendiri. Sebelum daripada negara-negara yang tidak menamakan dirinya sebagai negara Islam mendirikan Bank Islam itu, ada lebih baik bagi Malaysia melaksanakan penubuhan bank itu dengan seberapa segera yang boleh. Dan oleh kerana konsep itu merupakan satu konsep yang tersendiri, maka bank-bank ini patut dimulai daripada bawah, dimulai daripada negeri-negeri di seluruh Malaysia Barat ini dan demikian juga di Malaysia Timur, sebab konsep bank ini akan dimulai daripada daerah dan akhirnya sampai kepada pusat iaitu bank yang dilakukan secara centralise.

Tuan Yang di Pertua, dengan cara seperti ini sahaja kita akan dapat memberikan satu sumbangan daripada minat umat Islam dalam dunia ini yang disalurkan dalam badan Sekretariat Islam ini sendiri untuk melihat betapa konsep Islam itu dapat dilaksanakan sedikit demi sedikit di dalam pemerintahan negara, kalau sekiranya benar-benar kita ingin melaksanakannya.

**Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis):** (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Budget which was presented by the Honourable Finance Minister gives much food for thought. Whilst there is pragmatism in the approaches of fiscal policy, there is however some unrealistic approach to some of our problems. One glaring factor has emerged from the Budget speech and this is that the public sector investments which were filled by overseas and domestic loans and foreign grants have been an important factor in 1972 and 1973 for maintaining the buoyancy of our finances. The Honourable the Finance Minister has also touched on the fact that in 1971/1972 there was a stagnation of investments in the private sector.

Mr Speaker, Sir, I would like here to congratulate the Honourable Finance Minister for removing the world-wide scope in income tax as there is no doubt that this is one of the obstacles which has inhibited foreign investors in investing in Malaysia and using Malaysia as a base for operations. This open-door policy of a two way investment, I think, will do a lot to stimulate and make Malaysia into a base for world market operations. One only has to look at Hong Kong, for instance, to realise this. I have no doubt at all that this new income tax policy would attract foreign investors. Mr Speaker, Sir, the surprising thing, if one may ask, is: "Why has the Government not done this earlier?"

Mr Speaker, Sir, while discussing on the private sector, we are cheered by the assurances given by the Honourable Minister of Finance, and I quote him here, when he says, "If the private sector feels that such incentives are not enough, we are prepared to think again, as we keep an open mind."

Again, Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance has given urgent advice to the private investors to switch to manufacturing as soon as possible. This is all very good advice, Mr Speaker, Sir, but, the private sector, as history has proved, is not without men of vision and courage. But they however need encouragement in the form of enlightened taxation to survive and to progress. I am reminded here, Sir, of a problem which has arisen in Miri, Sarawak, very recently—in fact this was reported in the *Sarawak Tribune* only a couple of days ago. This is in connection with a small budding ship building industry in Miri. It appears that the shipyards in Miri have been doing fairly well in the past, considering the location and the handicaps in Miri as a shipbuilding centre. Nevertheless, they have been building tug-boats and boats, and even one ship of a thousand tons has been built in Miri. Recently, however, because of the imposition of high duty on steel plates and the high cost of steel plates, particularly the duty on high horse-powered engines on which, I believe, earlier this year a duty of 25% has been imposed, Miri has recently lost a few million dollars worth of orders to Singapore. I believe that according to this report by a ship-builder himself, the imposition of duty on engines has been the

crippling factor. It was, it appears "the last straw that broke the camel's back" in their not securing orders in competition with Singapore. I wonder, Mr. Speaker, Sir, whether the Federal Government is aware of the problem and, if so, whether the Federal Government is prepared to do something about giving some assistance to the ship-building industry in Miri.

I spoke before about the appointment of a Commission to do a survey of the industries in Sarawak and to visit all the Divisions in Sarawak. I even suggested that the Commission should investigate the problems on the spot and have a dialogue with the local industrialists in the private sector in each Division on how best the Government could assist them. Apparently this has not been done and my pleadings in this august House have fallen on deaf ears. Hence how good is the assurance given by the Honourable Minister of Finance when he says that he is prepared to give every assistance and incentives to the private sector? How can the Government help when the Government is so indifferent and is not even interested enough to find out what the private sector needs by sending a Commission or sending a body over to investigate? I would ask the Government here to demonstrate its sincerity not by words, not by empty promises, but by actions and deeds.

The Second Malaysia Plan pledged to bring a better life to the rural people and to the less developed parts of Malaysia. The Honourable Minister of Finance said that 25% of the new industries recently were located in less developed States of Malaysia. How much per cent of this 25%, Mr Speaker, Sir, is located in the State of Sarawak, which is an undeveloped State, as the Honourable Minister of Trade and Industry, Tuan Mohamed Khir Johari, has earlier today in reply to some questions from this side of the House clarified? Sarawak is not a developed State. That is why Sarawak went into Malaysia hoping that Sarawak would obtain better and faster development in all fields. How does the Federal Government know our problems if it does not even bother to go to the spot to find out? That is the question, Mr Speaker, Sir.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance has his finger on what needs to be done when he says, and I quote him here:

"In implementing the Government's development programmes, it would be necessary for public officials on the ground"—I repeat, "on the ground"—"to be responsive to the problems and requirements of the private sector".

But are the Government officials on the ground aware of this? In fact, are the Ministers aware of this? And are my friends, the State Ministers, aware of this when they fly around so much these days by helicopters? I wonder whether they ever go on the ground at all. I repeat once again, and I make a plea here, by asking the Federal Government to send a Commission over to investigate and have a dialogue with the local people in each Division of Sarawak to find how best the Government can assist the private industry in these areas and also to find out what is the best industry to set up in a particular place.

Berkenaan dengan MAS pula ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di sini mengkritik MAS, segala-galanya tidak memuaskan. Akan tetapi sabariah sedikit masa lagi kerana kita masih dalam perundingan. Kita adalah berunding dengan seorang atau satu bangsa yang tertentu cekapnya di meja perundingan dan tentulah mereka itu akan memusingkan fikiran kita. Akan tetapi pada masa sekarang ini soal Brunei itu akan ditentukan di dalam masa tidak berapa lama lagi, dan jika gagal, kesalahan itu bukanlah kesalahan Malaysia, akan tetapi kesalahan pihak British yang cuba hendak menipu-nipukan kita demi kepentingannya sendiri. Maka dengan sebab itu, saya adalah menyokong dengan sekuat-kuatnya syor sahabat saya yang mengatakan kita mesti mengambil satu tindakan yang keras terhadap pihak yang tidak jujur di atas perkara ini.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan. Sebahagian besar daripada penduduk Pantai Timur di Malaysia Barat terdiri daripada kaum nelayan iaitu penangkap ikan seperti mana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa mereka yang menjadi kaum nelayan itu tersangat buruk nasibnya, tiap-tiap seorang mendapat tak lebih daripada \$60 sahaja sebulan. Barangkali apa yang dikatakan oleh Menteri Kewangan itu betul. Akan tetapi ada lagi satu perkara yang tidak diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu pendapatan sebanyak \$60 sebulan itu bukanlah pada tiap-tiap bulan dalam setahun—tidak. Mereka ini hanya dapat mencari makan setakat 8 bulan sahaja setahun. (\$60 × 8 bulan = \$480 setahun). Hanya 8 bulan sahaja mereka boleh keluar mencari makan disebabkan oleh musim tengkujuh

yang sangat merbahaya di mana lautan bergelora dengan ribut topan dan angin yang sangat kuat. Akan tetapi mereka terpaksa juga keluar mencari makan, terkadang kadang tak balik langsung, dan kadang-kadang balik hanya membawa sedikit sahaja ikan untuk dijual.

Selain daripada musim tengkujuh yang menyekatkan mereka itu pergi ke laut melainkan dengan menyabung nyawa mereka sendiri, mereka itu juga, pada sedikit masa dahulu, disekatkan oleh Kerajaan, barangkali dalam dua bulan setahun daripada pergi ke laut kerana dikatakan untuk memberi peluang kepada ikan-ikan dan lain-lainnya hidup dan beranak dan bertambah besar supaya boleh kita tangkap pula pada tahun hadapan.

Selepas persidangan Parlimen yang baharu lepas Kerajaan telah sedar bahawa dengan adanya sekatan itu, maka tersangatlah buruk akibatnya kepada nelayan-nelayan yang berkenaan itu. Maka Kerajaan pun melonggarkan sedikit syarat itu dan dibenarkan mereka pergi ke laut dalam dua bulan itu dengan sedikit syarat sahaja.

Nelayan-nelayan di Pantai Timur mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan yang telah bermurah hati atas perkara itu.

Mengulang balik kepada pendapatan sebanyak \$60 sebulan, ini adalah tidak mencukupi. \$60 sebulan untuk memberi makan, pakaian, persekolahan kepada satu keluarga, ini tentu tidak cukup. Nampaknya daripada satu masa ke satu masa nelayan-nelayan ini semakin uzur, dan apabila sakit terbaring dalam rumah, tidak ada lain pencarian mereka, maka dengan sebab itu nampaknya anak-anak mereka telah keburlan. Dan juga anak-anaknya yang bersekolah oleh sebab tidak ada cukup makanan, pakaian, buku-buku teks dan sebagainya maka pada biasanya anak-anak mereka tercicir. Inilah satu daripada sebabnya banyak yang tercicir di sekolah-sekolah di luar bandar khasnya anak-anak nelayan di pantai-pantai.

Jikalau Kerajaan tidak mengambil alih menunjukkan jalan kepada mereka ini bagaimana caranya hendak menangkap ikan secara moden, maka nasib mereka ini akan

bertambah buruk daripada sebulan ke sebulan dan daripada setahun ke setahun. Cara mereka menangkap ikan ialah pergi ke laut dengan motobot atau perahu yang kecil-kecil kadang-kadang berseorangan, terkadang-kadang berkumpul tiga atau empat motobot keluar jauh-jauh ke laut menangkap ikan. Mereka ini bukan sahaja diancam oleh angin dan ribut juga diancam oleh perompak dan lanun. Maka sampailah masanya Kerajaan mengambil alih cara mereka ini menangkap ikan.

Saya sudah membuat pengesyoran dalam Dewan ini beberapa kali dahulu dan juga saya telah mendapat sokongan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat bukan pada persidangan Dewan kali ini sahaja bahkan pada kali mesyuarat Dewan yang lalu.

Pengesyoran yang saya katakan itu ialah sepatutnya Kerajaan mengadakan satu fishing fleet secara besar-besaran. Di dalam fishing fleet ini diadakan beberapa buah kapal kecil untuk menangkap ikan di samping adanya satu ibu kapal—kapal yang besar, kapal yang cukup lengkap dengan alat-alat radio, alat freezing, alat processing dan alat-alat canning. Maka fleet ini patutlah keluar ke laut-laut yang dalam menangkap ikan dan membawa balik ikan kepada kapal yang besar tadi dan jalankanlah processing dan canning itu kemudian dihantar ke luar negeri, dan daripada situ setengahnya dihantar balik ke Malaysia untuk digunakan oleh rakyat Malaysia.

Tidaklah payah fleet ini balik hari-hari ke pelabuhan. Fleet ini boleh duduk di lautan yang besar dua tiga bulan baharu balik sekali, jikalau perlu. Kalau negeri-negeri yang lain boleh buat demikian, mengapa negeri kita tidak boleh.

Sekarang juga kita lihat di Pulau Pinang berpuluh-puluh kapal daripada negeri Jepun berbuat begitu. Juga jikalau kita pergi ke Australia, kita akan dapati beratus-ratus kapal daripada negeri Jepun berbuat begitu mengambil ikan daripada lautan-lautan tersebut, kemudian balik dihantar entah ke mana, kita tidak tahu. Jadi, inilah satu jalan sahaja yang kita boleh menolong nelayan-nelayan kita yang tinggal di tepi pantai itu.

Jikalau rancangan permulaan ini berjaya, maka saya berharap banyak lagi fleet yang akan ditambah dan ini akan memberi

pekerjaan kepada berpuluh ribu nelayan di tepi pantai bukan sahaja di dalam laut tetapi juga di tepi pantai sendiri.

Berkenaan dengan perkara ini juga Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapannya telah memberikan jaminan kepada rakyat di tepi pantai bahawa ia akan memberi pertolongan yang banyak kepada mereka itu, sekiranya permohonan yang sesuai dibuat padanya, sebab dia telah sedar di atas nasib mereka itu. Maka di sini saya minta Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan mengambil peluang yang emas ini bagi membuat permohonan untuk rancangan itu.

Sekarang saya ingin pula menyentuh berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Di Pantai Timur juga ada satu industri baharu yang telah muncul iaitu menanam tembakau. Hasil daripada tanaman tembakau ini ialah tiga kali ganda daripada hasil menanam padi, jadi inilah satu pencarian yang lumayan bagi penduduk-penduduk negeri itu yang nasibnya tidak begitu baik. Akan tetapi daun-daun tembakau ini selepas dikeringkan sahaja dihantar ke bandar-bandar besar yang lain seperti Kuala Lumpur, Ipoh untuk dikilangkan dan dijadikan rokok (cigarette), curut (cigar). Dan di kilang-kilang ini digunakan beribu-ribu pekerja untuk menyediakan cigarette itu. Untuk menyesuaikan dengan dasar Kerajaan yakni hendak restructure society kita, maka saya mintalah Kerajaan mengiktiharkan dengan seberapa yang boleh bahawa Kerajaan Pusat hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya menggalakkan syarikat-syarikat tembakau ini membina kilang-kilang mereka itu di negeri-negeri yang mengeluarkan daun tembakau. Ini lebih logik daripada diambil daun-daun tembakau dikeringkan dan dihantar keluar negeri untuk dijadikan cigarette. Maka jikalau dibuat begitu mata pencarian penduduk-penduduk di Pantai Timur kelak akan bertambah.

Seperkar lagi berkenaan dengan tembakau. Kita semua tahu iaitu dengan adanya tembakau dijadikan rokok atau cigarette, maka Kerajaan telahpun mendapat hasil yang besar berpuluh-puluh juta ringgit, akan tetapi mutu daun tembakau di sana itu belum lagi sama dengan mutu daun-daun tembakau dari luar negeri.

Satu daripada sebab-sebabnya ialah benih dan baja yang didapati di sana yang dijual oleh syarikat-syarikat baja adalah kurang baik. Jikalau hendak benih ataupun baja yang baik, terpaksa dibelanjakan atau dibayar dengan wang lebih banyak lagi, maka peladang-peladang tembakau di sana tidaklah mampu membelanjakan wang yang banyak untuk membeli benih dan baja yang baik. Maka di sinilah patut Kerajaan mengambil kesempatan memberi pertolongan kepada peladang-peladang tembakau ini yakni memberi bantuan di dalam perkara membeli baja dan tembakau seperti juga yang dibuat pada masa dahulu untuk membeli baja padi. Maka dengan itu, pendapatan peladang-peladang tembakau di sana akan lebih sedikit dan apa yang dikatakan hendak mengseimbangkan ekonomi di antara penduduk-penduduk di dalam Malaysia ini akan berhasil.

Beralih pula kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sukan ialah cermin kemajuan sesuatu negara. Negara-negara yang maju dalam sukan iaitu negara-negara yang menjadi johan di dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa akan disanjung tinggi dan dihormati oleh dunia.

Sesuatu negara tidak boleh menjadi johan jika peserta-pesertanya kurang bertenaga dan stamina selain daripada kurang skill, maka untuk menambah tenaga dan stamina, satu jabatan mestilah ditubuhkan di dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Jabatan Sports Medicine. Jabatan ini perlu ditubuhkan untuk membina tenaga dan stamina peserta-peserta di dalam semua cawangan sukan.

Saya harap Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberi perhatian yang berat di dalam perkara ini, kerana Bahagian Sports Medicine ini bukanlah satu perkara yang baru, bahkan di negara-negara jiran tetangga kita Bahagian ini telah ditubuhkan. Semua telah maju di dalam Bahagian Sports Medicine ini.

Beralih pula saya ke Kementerian Pertahanan. Ini juga bersangkutan-paut dengan nelayan-nelayan di Pantai Timur. Nelayan di pantai tidak berperang atau berkelahi sesama sendiri seperti nelayan-nelayan di negeri lain Perak, Selangor dan sebagainya. Akan tetapi mereka di ancam oleh perompak-perompak dari luar negeri bukan

sahaja di perairan antarabangsa, akan tetapi juga di dalam perairan kita sendiri—perairan Malaysia.

Perompak-perompak ini datang ke perairan kita pura-pura hendak menangkap ikan, ini pun sudah mencerooboh kedaulatan kita. Mereka datang dengan cukup lengkap alat senjata dan jikalau ada kesempatan mereka merompak nelayan-nelayan kita yang hanya mengadakan motobot yang kecil-kecil dan terencil. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan motobot perunda kita. Maka saya mintalah Kementerian Pertahanan menambahkan lagi motobot perunda kita supaya nelayan-nelayan kita terselamat daripada ancaman-ancaman yang datang daripada luar negeri. Maka dalam hal ini Menteri Kewangan juga telah memberi jaminan yang ia akan menolong rakyat di Pantai Timur itu. Maka sepatutnyalah Yang Berhormat Menteri Pertahanan membuat permohonan yang lebih untuk motobot perunda ini.

Izinkan saya pula menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Untuk membangunkan satu masyarakat yang adil dan makmur guru-gurulah yang akan memainkan peranan yang penting, bukan sahaja guru-guru sendiri mesti berdidikasi (dedicated) akan tetapi guru-guru berkelulusan dan yang mahir mestilah juga dihantar dengan banyak ke sekolah-sekolah di Pantai Timur. Pada tahun 1973 yang akan datang sedikit hari lagi, Kelantan berkehendakkan lagi 700 orang guru mengikut banyaknya murid di sana, akan tetapi hanya 225 orang sahaja guru-guru terlatih yang akan dihantar ke Kelantan.

Daripada 700 itu Kelantan akan mendapat hanya 225 orang guru terlatih yakni 52 orang guru-guru yang dilatih di DTC untuk sekolah rendah; 73 orang daripada MTC untuk sekolah menengah dan 100 graduates. Graduates ini kebanyakannya mengajar aliran sastera (arts), yang mengajar sains sedikit sahaja, jadi jumlah semuanya ialah 225 orang. Maka yang bakinya 475 orang itu akan diambil daripada murid-murid yang berkelulusan SPM atau MCE sebagai attachment teachers. Dengan keadaan ini pelajaran murid-murid di Kelantan yang mengandungi 96% bumiputra akan terbatat, nasib bumiputra akan bertambah buruk. Diminta Kementerian Pelajaran mengambil berat di atas hal kesulitan ini.

Bagaimanakah hendak mengatasi kekurangan guru ini? Saya cadangkan begini. Untuk mengatasi kekurangan ini, saya syorkan supaya guru-guru sementara yang telah berkhidmat lebih daripada dua tahun diberikan latihan sambil mengajar seperti guru-guru DTC dahulu dan selepas dua tahun belajar sebagai guru, maka tentulah mereka ini ada sedikit kecekapan. Ini perlu dijalankan segera, kalau tidak sistem pendidikan akan merosot tahun demi tahun.

Lagi satu sebab kenapa negeri Kelantan atau Pantai Timur amnya kekurangan guru-guru ialah sebab sistem pertukaran guru-guru tidak realistik, maka saya cadangkan di sini tiap-tiap guru yang berkelulusan hendaklah diwajibkan mengajar di Pantai Timur sekurang-kurangnya tiga tahun. Syarat ini dibuat dengan ada pula jaminan, iaitu selepas tiga tahun mereka ini akan dibenarkan balik ke Pantai Barat. Maka dengan adanya undang-undang dan syarat ini, saya fikir tidak susahlah bagi Kementerian Pelajaran hendak menghantar guru-guru yang berkelulusan ke Pantai Timur.

Masalah-masalah guru ini banyak. Ada satu masalah iaitu masalah sijil guru terlatih. Ramai guru-guru yang terlatih di maktab-maktab perguruan belum menerima sijil-sijil mereka, akan tetapi mereka telah bertugas sembilan tahun dengan tidak mendapat sijil; sijil perguruan yang didapati daripada maktab-maktab perguruan dahulu.

Satu daripada sebabnya ialah sebilangan daripada maktab perguruan telah ditutup. Sijil-sijil perguruan telah diserahkan kepada maktab-maktab yang lain untuk diberikan kepada guru-guru yang berkenaan. Ada yang telah menulis berkali-kali kepada maktab-maktab yang berkenaan, tetapi tidak juga diberikan sijil-sijil itu.

Untuk mengatasi perkara ini Kementerian Pelajaran diminta mengumpulkan balik semua sijil-sijil yang telah diserahkan kepada berbagai-bagai maktab dan sijil-sijil tersebut hendaklah dihantar kepada Pejabat Pelajaran Negeri masing-masing, tempat asal guru-guru yang berkenaan. Ini akan memudahkan guru-guru yang tersebut berhubung dengan Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri masing-masing untuk mendapatkan sijil itu. Diharap Kementerian Pelajaran akan mengambil berat di atas perkara ini.

Lagi satu masalah guru-guru ialah berkenaan dengan graduates yang belum lagi menerima gaji-gaji yang sepatutnya. Ramai guru-guru yang telah menjadi penuntut-penuntut di universiti dan telah lulus. Mereka ini balik mengajar semula. Setengah daripada mereka itu telah mengajar lima tahun, akan tetapi gaji mereka masih juga lagi seperti gaji guru biasa. Sebaliknya penuntut-penuntut universiti yang berkelulusan semasa dengan guru-guru ini, ada yang menjadi Pegawai MCS dan lain-lain, telah mendapat gaji yang lebih besar daripada mereka ini. Ini adalah satu perkara yang tidak seimbang dan perlu diperbaiki. Katanya mereka akan dipanggil untuk ditemuduga, soalnya bila? Mereka telah menunggu, ada setengahnya lima tahun belum lagi dipanggil untuk ditemuduga untuk mendapat gaji yang baharu. Maka ini pun saya harap Kementerian Pelajaran akan memberi perhatian yang berat.

Sekarang masalah guru-guru sains pula; di negeri Kelantan khususnya dan di Pantai Timur amnya. Ramai murid-murid berkelulusan MCE aliran sains dan juga SPM aliran sains, akan tetapi oleh sebab nasibnya kurang baik mereka tidak dapat masuk ke kelas HSC. Sungguhpun begitu, mereka telah diambil juga menjadi guru attachment untuk mengajar sains kepada murid-murid yang di kelas rendah, maka mengajarlah sains oleh guru-guru ini kepada murid-murid kelas rendah, akan tetapi guru-guru ini berazam hendak pergi ke universiti belajar sains. Nasib tidak baik pula, makmal-makmal sains tidak mencukupi di negeri Kelantan dan lain-lain negeri di Pantai Timur. Oleh sebab mereka itu berazam juga hendak pergi ke universiti, maka mereka belajarlah HSC di dalam aliran Arts, maka pergilah mereka itu ke universiti masuk aliran Arts; balik mengajar Arts. Jadi, murid-murid yang cenderung di dalam aliran sains telah terbuang dan menjadi guru-guru Arts pula. Maka patutlah Kerajaan mengambil berat mengadakan banyak lagi makmal-makmal sains di negeri-negeri yang berkenaan itu.

Sekarang berkenaan dengan buku-buku dan majallah-majallah lucah yang didapati berkeliraran di negara kita, sehingga termasuk di perpustakaan sekolah-sekolah. Kita sekarang sedang menghadapi filem-filem lucah atau sex film. Maka saya harap keputusan akan dibuat iaitu segala sex film ini akan dikikis daripada bumi Malaysia

walaupun kita kerugian sedikit hasil daripada penayangan filem ini—tidak mengapa, akan tetapi ada lagi satu ancaman yang sedang mengancam bukan sahaja orang dewasa juga murid-murid sekolah, iaitu buku-buku lucah dan majallah-majallah lucah.

Saya telah melawat ke beberapa buah sekolah dan terus ke bilik perpustakaan mereka itu. Dengan senangnya saya dapat beberapa buah buku yang tidak patut diadakan bukan sahaja di sekolah juga di rumah-rumah kita.

Saya ada membawa contoh empat lima buah buku, akan tetapi saya malu hendak baca kerana karangannya terlampau dahsyat, bukan sahaja akan memalukan orang yang cukup fikiran dan akal, orang yang bodoh akan berasa malu membaca buku-buku itu dan juga gambar-gambar yang digambarkan di dalam majallah ini pun begitu juga; tidak patut sekali bagi ditilik oleh anak-anak kita. Ini pun saya ada contoh, tetapi saya tidak mahu tunjukkan. Akan tetapi izinkan saya membaca sedikit, satu senarai yang pendek berkenaan dengan buku-buku ini kerana pada pendapat saya buku-buku ini dikarang bukan sahaja oleh orang-orang yang tidak terkenal bahkan juga dikarang oleh pengarang-pengarang yang terkenal kerana hendak mencari sedikit wang yang lebih dengan segera. Satu majallah dijual hanya 30 sen, jadi mudah budak-budak sekolah membeli majallah itu dan sengaja dibuat majallah itu untuk dijual kepada murid-murid sekolah.

Biarlah saya bacakan sedikit nama buku-buku itu. Satu dinamakan "Galak dan Jalak", dikarang oleh seorang yang termasyur juga—penerbitan Cempaka Sari. Satu lagi bernama "Puan" yang datangnya dari Singapura. Satu lagi namanya "Buah Dada" yang datang daripada Singapura. Lagi satu, "Kemanisan Suami Isteri", datangnya daripada Trengganu. Kebudayaan Buku buku Merah, keluaran Solo—semuanya lucah belaka, "Bilik '69" dan "Mencari Syorga" daripada negeri Selangor.

Ini satu list yang kecil, akan tetapi kalau ada siapa-siapa yang teringin hendak tahu, saya boleh hantarkan list yang cukup. Ini saya dapat, dalam bahasa Inggeris dikatakan: "at random", di sekolah-sekolah yang saya lawati. Saya tidak tahu banyak

mana ada lagi di sekolah-sekolah yang lain. Maka dengan sebab itu saya mintalah Kementerian Pelajaran mengambil berat di dalam perkara ini. Satu pendapat berkenaan dengan hal ini ialah di sekolah-sekolah yang banyak buku-buku lucah ini didapati kecikirannya pun banyak oleh sebab murid-muridnya khayal membaca buku-buku lucah ini.

Ini lagi satu sebab kecikiran yang kita sedang kajikan. Maka dengan sebab itu saya merayulah untuk kepentingan negara kita, kepada Kementerian Pelajaran patutlah mengambil berat di dalam hal ini dan memberi perintah atau instruction kepada Guru-guru Besar di sekolah-sekolah melihat dan membaca sebelum buku-buku itu diletakkan di dalam perpustakaan sekolahnya dan juga jangan membenarkan sesiapa menjual buku-buku di sekolah dengan tidak mendapat kebenaran daripada Guru Besar kerana banyak buku-buku rampaian dan diary yang dijual di sekolah-sekolah didapati juga di belakangnya gambar-gambar yang lucah.

Tuan Yang di Pertua, kita sentiasa menggambar-gambarkan rakyat dengan Revolusi Mental. Kita adakan perjumpaan-perjumpaan, forum-forum, dan seminer-seminer untuk merevolusikan mental mereka, akan tetapi alat-alat untuk merevolusikan mental rakyat ialah buku-buku, tetapi kebanyakan bukunya yang saya telah katakan tadi adalah menjahanamkan mental rakyat, bukan merevolusikannya. Ini sudah bertentangan dengan dasar kita sendiri. Selain daripada memberi Revolusi Mental rakyat dari kecil sehingga dewasa mestilah juga diberi revolusi rohani, untuk ini buku-buku yang bermutu adalah sebaik-baik alatnya.

Tuan Yang di Pertua, untuk mencapai matlamat ini Kerajaan hendaklah mengubah cara pemberian hadiah sastra yang sudah ada itu. Hadiah sastra janganlah dikhaskan untuk novel-novel, cerpin-cerpin dan sajak-sajak sahaja, ianya perlulah dimasukkan hasil-hasil penulisan, pengarang-pengarang kita yang non-fiction seperti buku-buku falsafah, psikologi, sejarah, ekonomi dan lain-lain. Ini akan menolong menggiatkan lagi karya-karya kreatif yang bermutu di tanah air kita. Buku yang seperti inilah yang akan dapat merevolusi mental dan rohani masyarakat Malaysia pada hari ini dan hari-hari yang akan datang.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan bagi tahun 1973 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baharu-baharu ini.

Sambil kita memuji-muji pegawai-pegawai dan Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan Belanjawan yang baik yang telah mencari jalan-jalan dan cara-cara untuk mendapatkan hasil negara yang lebih, maka sukalah saya menarik perhatian Dewan ini supaya dapat pegawai-pegawai Perbendaharaan untuk mencari jalan dan cara untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dan jabatan-jabatan dalam semua bidang.

Yang pertama, ialah dalam perbelanjaan pegawai-pegawai, termasuklah Menteri-menteri yang sentiasa pergi ke luar negeri. Banyak juga perbelanjaan telah dibuat dalam kontrak-kontrak pembekalan dan bangunan-bangunan. Saya telah difahamkan iaitu tidak berapa lama dahulu satu kontrak yang berbeza berjuta-juta ringgit telah diberi kepada sebuah firma yang tawarannya nombor dua di Lembaga Letrik Negara.

Banyak pemborong-pemborong dan firma-firma pada masa ini mengambil peluang bandak cepat mendapat kekayaan. Ada juga jabatan-jabatan yang telah berusaha untuk mengurangkan perbelanjaan, tetapi oleh sebab desakan daripada atas kadang-kadang jabatan terpaksa menerima tawaran yang mahal dan tinggi sungguhpun mereka ini tahu iaitu tawaran ini sangat tinggi. Saya berharap satu arahan dapat diberi kepada semua jabatan-jabatan dan Badan-badan berkanun supaya mengamalkan jimat dan cermat atas peruntukan Kerajaan.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan jalan-jalan raya di dalam negara kita ini. Kita faham iaitu hitungan kenderaan yang ada di negara ini telah berlipat-ganda, tetapi jalan-raya kita dan jambatan-jambatan masih lagi sempit. Banyak kemalangan-kemalangan jalanraya telah berlaku di sini, bukanlah saya menyalahkan iaitu jalan itu sempit

atau jambatan itu sempit, tetapi kebanyakan kemalangan-kemalangan ini juga bersabit dengan sebab jalan itu sempit dan jambatan itu sempit. Saya menarik perhatian Dewan ini juga supaya pungutan-pungutan wang sebagai lesen-lesen kenderaan dapat digunakan dengan banyaknya bagi membina jalan yang baharu yang tidak diganggu seperti jalan-jalan yang kita dapati di Eropah dan Amerika. Saya berharap Kerajaan tidak lagi menghabiskan wang untuk membaiki jalan-jalan raya dengan secara kecil.

Seperti yang saya katakan dahulu di Dewan ini jalanraya kita ini boleh dikatakan yang baik di Asia ini. Penyelenggaraan telah dibuat mengikut cara-cara yang tertentu dan yang biasa. Saya berpendapat ada kemungkinan sistem-sistem menyelenggarakan jalanraya ini boleh diubah supaya peruntukan sebanyak \$4,500 pada sebatu setahun boleh digunakan dengan berkesan dan lebih baik lagi.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan dan swasta pada masa ini sedang giat membina bangunan dan rumah sebagai rancangan masing-masing. Malangnya pada masa ini negara kita telah mengalami kekurangan bahan-bahan seperti simen, besi dan yang lain-lain.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telahpun berucap tentang perkara ini. Oleh sebab kekurangan ini harga bahan-bahan dan bangunan telah meningkat tinggi. Saya berharap kekurangan ini boleh diatasi seperti mengimpot bahan-bahan ini dan mengurangkan lagi mengekspot bahan-bahan ini ke negara-negara lain. Kerajaan mesti juga membenarkan dan menggalakkan lagi mendirikan kilang-kilang yang mengeluarkan bahan-bahan perumahan.

Tuan Yang di Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan MAS dan saya serta dengan Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan sistem penerbangan ini. Pegawai-pegawai dan kakitangan ini telah bertugas dengan bersungguh-sungguh untuk menjayakan dan memberi nama baik MAS ini.

Saya sangat tertarik hati apa yang saya dengar daripada mulut seorang kakitangan MAS. Saya balik menaiki kapal terbang

MAS daripada Pulau Pinang pada satu petang seorang penumpang telah berkata kepada kakitangan itu: "I see you are now with MAS", dan jawabnya: "This is my service to the nation". Kalaulah begini minat pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan MAS, saya yakin nama MAS akan harum dan hidup mengikut namanya.

Yang akhir sekali, ialah berkenaan dengan kakitangan Kerajaan dan badan-badan yang berkanun. Kakitangan Kerajaan telahpun menerima perubahan gaji mengikut Suffian dan Aziz Report. Ada satu lagi gulungan yang belum menerima gaji baharu sungguhpun Harun Commission sudah berjalan untuk mengkaji gaji kakitangan yang ada di Badan-badan Berkanun ini. Saya berharap laporan ini diluluskan dengan secepat mungkin.

**Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara):** *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, the economic well-being of this country has for years been based on the rubber and tin industries. The prosperity of the rich and the middle class in this country has been built on the sweat and toil of the workers of these two industries. Without the workers of these two industries we would not be able to witness the growth and development that has taken place in this country. The richmen's bungalows, the middle-class housing estates and the annual increases in the number of cars on our roads all are primarily dependent for their existence on the rubber and tin industries. Yet, while some have made fortunes, the workers of the rubber estates and the tin-mines have gained nothing out of the wealth they have created by their sweat, toil and labour. Others have reaped the harvest, but the poor workers, like their forefathers, have been left behind to be further exploited. This, Mr Speaker, Sir, is a very unsatisfactory state of affairs. But why have things worked out this way for these unfortunate workers? Nothing could be more damning on the system of distribution of income and wealth in this country than the distribution of the income and wealth obtained from the rubber and tin industries. While a segment of the population lives in bungalows, housing estates and in good sanitary conditions with all the amenities of life, the workers of these industries live in

hovels and unhygienic and insanitary conditions. Is this fair and is this their reward, Mr Speaker, Sir?

The Government owes a duty and obligation to those workers not only to improve their lot but to provide them with the opportunity to break out of their poverty and disease-ridden environment. The Government proclaims that it is its intention to eradicate poverty irrespective of race in this country. What has it done for the workers in the rubber and tin industries? Precious little, Mr Speaker, Sir, if not nothing. In fact, the Government, faithful to its anti-labour inclinations, has passed a legislation that is aimed at denying all workers in this country, not only in the rubber and tin industries but in all other industries, their legitimate rights and to restrict their capacity to bargain for improvement in their miserable lot. This inequitable state of affairs where the labouring masses are denied the just fruits of their labour must be abolished if the Government is genuinely committed to its professed goal of eliminating poverty as declared in the Second Malaysia Plan.

Mr Speaker, Sir, I therefore call on the Minister of Finance to completely overhaul Government's fiscal and taxation policies which are designed to perpetuate this gross inequality and injustice in the discrimination of income and wealth to one which will effect a genuine and just distribution of income and wealth and close the ever widening gap between the "haves" and the "have-nots". Government taxes must fall more heavily on the shoulders of the rich, based on their wealth and income and capacity to pay. There must be more resort to direct taxation than at present where the taxes fall on all and sundry, hitting the poor more than the rich.

Mr Speaker, Sir, the Government states that it is embarking on an industrialisation policy with the laudable intention of eradicating poverty in this country, but all that the workers and the have-nots can observe, feel and sense is that industrialisation has only opened the gates for further exploitation of the workers and the have-nots of this country and by which foreign and local industrialists have grown rich and are still growing in that direction without let-up due to the deliberate policies of the Government.

All that the workers in this country can discern is that a new class of industrialists is doing very well under the system whilst they, the workers and the have-nots, are permitted to wallow in their misery and poverty. What has industrialisation brought to this country except the banning of numerous items of cheaper foreign manufacture from importation to this country and the imposition of either high tariff laws or quota systems so as to protect local industries from competition from foreign goods.

Mr Speaker, Sir, however all that these measures have achieved is to ensure a monopoly situation in the country for our local manufacturers to exploit by dumping poor quality goods at higher prices on the poor consumers in this country.

Mr Speaker, Sir, I am not against protection for local industries but such protection becomes meaningful only when it enables the workers in this country to improve the quality of their lives. It is meaningless if it becomes the excuse for the exploitation of the workers and the have-nots for the enrichment of the few captains of industry in this country. In the name of industrialisation the Government has passed the most anti-labour legislation the country has witnessed. Such laws have been passed on the grounds that they will create a suitable climate for investors to invest in.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Finance Minister in his Budget speech stated that import substitution industries have gone as far as they could go and that Government would be encouraging from now on export orientated industries. Mr Speaker, Sir, having allowed the industrialists to exploit the local market for so long with import substitution industries, the Government is now embarking on a policy of allowing industrialists and investors to further exploit the workers of this country with the setting-up of export orientated industries. I say this because, Mr Speaker, Sir in these industries the wages on the average is only about \$50.00 per mensem, hardly enough for a worker to live on, let alone to lead a decent life. What the Government is doing is not to eradicate poverty among the have-nots, Mr Speaker, Sir, but to create conditions in which capitalists can exploit the workers of this country by paying such low wages.

Mr Speaker, Sir, it is high time that the Government imposed a minimum wage law that employers in these industries must adhere to a minimum wage that will give them at least a decent living. It is simply shocking, Mr Speaker, Sir, to observe that whilst thousands have to work for a month to earn \$50.00, the haves in this country are permitted by the inequitable system of distribution of wealth to be able to throw 5 or 10 times more than that in one night's gambling, drinking or feasting. Is this the equal and just society the Government boasts about? Ministers are persistently fond of making promises of a better future for the have-nots and the have-nots of this country have in their millions been disillusioned year after year by all these broken promises, promises that were never intended to be fulfilled in the first place by those who pronounced them. The have-nots in this country, Mr Speaker, Sir, have grown to be cynical of Ministerial protestations of future good intentions.

They have become cynical, for they have for too long been fed to the point of indigestion on a diet of broken promises made by the Government.

I have earlier stated, that locally-manufactured goods are being dumped in the local market at very high prices. The "have-nots" in this country, who form the vast majority of the consuming public, have no choice but to pay for what is demanded by the manufacturers. Since the manufacturers cannot restrain their own limitless appetite for huge profits, the Government therefore must impose price control on their products and thereby limit the amount of profits they make. Since the Government gives protection against foreign competition to these industries by way of quotas, high tariffs, etc., it has the right, therefore, to see to it that whilst reasonable profits are made, at the same time that the public is not exploited.

I am well aware, Mr Speaker, Sir, that the Honourable Minister of Trade and Industry has stated that he is not in favour of imposing price control as this can cause artificial shortages and create a "black market", but I do not think Sir, that when it comes to products being manufactured locally, this can apply. The consuming public expects the Government to impose price control.

The crux of the argument for protection to be accorded to local industries against foreign manufactured goods is that foreign goods are cheaper due to the economics of scale available to the foreign manufacturers and therefore if protection is not accorded to our local industries, they will find no market and they will collapse. But experience has shown that where protection is given to these industries because they cannot sell in the local market due to competition from foreign goods, what happens? The prices of locally manufactured goods immediately go up. This is simply not the reason why protection was accorded in the first place. The local manufacturer requires protection from foreign competition. He is willing to sell his goods at "X" price, which must mean that he can make a profit at "X" price, but due to competition he can't sell his goods here. So the Government steps in and increases tariff walls, sometimes banning numerous items imported into the country, or imposes a quota system. Therefore the manufacturer should be happier now; he can make his profit now. But invariably we have witnessed over the years that the prices of goods go up, whereby increasing his profits. This is an abuse, Mr Speaker, Sir, of the protection that the Government is giving to these industries and therefore the Government can and should impose price control on the products of these protected industries if it really cares for the plight of the "have-nots" in this country.

Mr Speaker, Sir, I would like to touch on the manner in which Federal grants are being allocated to the various States. Federal revenue, Mr Speaker, Sir, is money that belongs to the people of this country. It is collected for the purpose of running the Government or bringing development to the country. It is not money that belongs to the Government for the Government to dispense with as it likes. The Federal Government holds this money collected from the people by way of direct and indirect taxation as the trustee of the people to be used fairly and for the benefit of the whole country and also to allocate part of it to the various States fairly and equitably. But Mr Speaker, Sir, the Federal Government has failed to allocate Federal grants fairly and equitably. The State of Penang has been very shabbily treated in this respect. The State of Penang receives in Federal grants less than \$8 on a

*per capita* basis, whereas the other States receive \$11 plus on a *per capita* basis. Mr Speaker, Sir, this is discrimination of the highest order against the people of the State of Penang who are supposed to be equal citizens under the Constitution of the Federation of Malaysia. This, Mr Speaker, Sir, is a breach of trust by the Federal Government. Why is there this treatment? What has happened to the close and cordial relationship that is supposed to exist between the State Government of Penang under the leadership of the Honourable Member for Tanjong—who is invariably absent from this House—and the Federal Government? Is the relationship so close and cordial, Mr Speaker, Sir, that the Federal Government feels that it can treat the people of the State of Penang as step-children and get away with it? No, Mr Speaker, Sir, the people of Penang, the citizens of that State, protest vigorously against this discrimination and they call on the Federal Government to treat the citizens of their State as equals to that of the other States.

Mr Speaker, Sir, the Federal Government has spoken on numerous occasions and their statements have been echoed by the leaders of the State Government of Penang. The people of Penang have been told that they will get free trade zones. Free trade zones undoubtedly have been gazetted, but are they operating? That is the point. I have received a written reply today from the Ministry of Finance that the proposed free trade zone at Weld Quay is hoped to be operational in 1973. However, the Treasury has only to-date agreed that "preliminary work, such as fencing, could be proceeded with pending final cost becoming available"—whatever that means. For a free trade zone all that is permitted is that fencing of that area may be proceeded with. They do not know how much

it will cost to make the place operational, what the cost would be to put up the buildings, the infrastructure, no estimates as yet. When will the people of Penang know as to when the free trade zone at Weld Quay will become really operational. We are used to in Penang, Mr Speaker, Sir, being promised a lot of things—free trade zones, industrialisation, etc., but never do we see them realised.

Further, Mr Speaker, Sir, what has happened to the Master Planners' Report on Penang? The State Government takes the stand that if it is to be published, the Federal Government should publish it. We want to know, Mr Speaker, Sir, from Government Ministers whether the responsibility for publishing the Report of the Master Planners on Penang is that of the Federal Government or of the State Government. The State Government has said that it is not their responsibility, and if the responsibility is that of the Federal Government, we want to know when would it be published. Why is it that a Report which has been submitted to the Government so many years ago is still not published? The people of Penang want to know what is in the Master Plan. Is the Master Plan so secretive? I am not aware, Mr Speaker, Sir, that plans of this nature are secrets. It would appear that it has become more of a classified information. Why should it be so? Let us know.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Masa sudah cukup. Kalau ada lagi, boleh sambung esok sedikit. Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*